

Jilid1  
Bil.36



Harl Isnin  
4hb Februari, 1991

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5353]

**USUL-USUL:**

**Akta Prosedur Kewangan 1957:**

Menambah Butiran Baru: "Kumpulan wang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba." [Ruangan 5390]

**Akta Kastam 1967 [Ruangan 5414]**

**Akta Eksais 1976 [Ruangan 5428]**

**Akta Cukai Jualan 1972 [Ruangan 5430]**

**RANGUNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Kewangan (No. 3) [Ruangan 5432]**

**Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) [Ruangan 5457]**

**Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) [Ruangan 5463]**

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.I., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menieri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATO BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Mcnteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Scmporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Perlua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Mentcri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menieri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., s.M.s. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHP. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD, YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.H.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Scčiauusaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAiAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.I.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

„ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

„ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

„ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

„ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMAD KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

DATO' HAI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,  
K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Scpang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,  
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

DATO' QAMARUZZAMAN BIN HAJI ISMAIL (BAGAN SERAI).

.TUAN RADIN MALLEH (Padas).

„ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Senan).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

„ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Raniau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.I.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAIU (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

„ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puieh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAIKANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Pcnolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 4hb Februari, 1991

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## D O A

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Nor.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ahmad bin Nor tidak hadir)*

**PELUANG PERINDUSTRIAN DI  
SABAH/SARAWAK/KELANTAN**

2. **Tuan Vun Shin Choi** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah dasar-dasar dan langkah-langkah Kerajaan Persekutuan yang sedang dan akan diambil untuk mencimbangkan peluang-peluang perindustrian terutama sekali kepada negeri-negeri yang masih ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi seperti Sabah, Sarawak dan Kelantan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan seperti ini telah dibangkitkan pada sesi ini pada 6hb Disember, 1990 oleh Yang Berhormat dari kawasan Labuan. Pada masa soalan tersebut dijawab, saya telahpun mendapat kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk

menjawab soalan-soalan yang berhubung dengan perkara yang sama, termasuklah soalan ini juga. Oleh itu, saya tidak ingin menambah apa-apa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baik. Yang Berhormat Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed tidak hadir)*

**PELDA—HUTANG/PINJAMAN  
PESERTA**

4. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perkara-perkara berikut mengenai FELDA:

- (a) jumlah hutang/pinjaman yang mesti dibayar oleh setiap peserta FELDA, kadar faedah yang dikenakan serta tempoh bayaran balik; dan
- (b) jumlah peserta FELDA bagi seluruh negara. Dari jumlah tersebut, berapa ramai yang sudah menjejaskan hutang mereka dan berapa ramai pula yang telah dibrikan hakmilik individu.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang yang dibayar balik oleh peserta-peserta FELDA berbeza di antara

projek dengan projek dan juga di anuira peneroka dengan peneroka bergantung kepada jumlah kos sebenar. Kos sebenar pula ditentukan berdasarkan kepada:

- (i) kospembangunanladang;
- (ii) kos pembangunan lot rumah dan kos pembangunan lot kampung; dan
- (iii) pinjaman persendirian peserta.

Semeniara itu, jumlah kos pembangunan ladang dan kampung dikira berdasarkan kos purata dengan mengambil kira keluasan yang diperuntukkan kepada setiap peserta. Manakala pinjaman persendirian pula dikira berdasarkan kos sebenar pinjaman persendirian yang diambil oleh seseorang peserta dalam bentuk aEat prtanian, pinjaman sakkii dan sebagainya.

Jumlah bagi ketiga-tiga kos ini akan dikutip semula dalam tempoh 15 tahun dengan dikenakan kadar faedah 4% setahun apabila kawasan ladang mula berhasil. Secara purata jumlah hutang yang dibayar oleh setiap peseria ialah \$44,000 bagi rancangan geiah dan \$29,000 seorang bagi rancangan kelapa sawit.

- (b) Bilangan peneroka FELDA sehingga November 1990 ialah seramai 119,293 orang. Bilangan yang telah menjelaskan hutang dan telah diberi hakmilik individu adalah seperti berikut:

<i>Bilangan Telah Menjelaskan Hutang</i>	<i>Bilangan Telah Diberi Hakmilik Individu</i>
22,959 orang	12,492 (Disember 1990)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir)*

## **KEMALANGAN PESAWAT TUDM**

**6. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab kekerapan berlakunya kemalangan kapalterbang-kapalterbang Tentera Udara Diraja Malaysia. Akibat daripada kemalangan-kcmalangan seperti ini, bcrapakah jumlah kerugian dari segi nyawa dan nilai ringgit yang telah ditanggung. Sehubung dengan itu, apakah langkah segera dan jangka panjang bagi mengelakkan mengurangkan kejadian seperti ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, kemalangan pesawat di dalam mana-mana organisasi seperti TUDM tidak dapat dihapuskan sama sekaii memandangkan lugas dan pncrbangan yang dibuat oleh juruterbang dan pesawat adalah mcncabar. Di antara sebab-sebab berlakunya kemalangan adalah berpunca daripada kerosakan jentera. Kesilapan penerbangan, cuaca buruk, bahaya alam sekitar seperti kemasukan burung dalam enjin pesawat dan sebagainya.

Kerugian yang telah dipastikan dalam tahun 1990 ialah sebanyak \$42,950,713.17 dan dua nyawapemandu serta seorang penumpang telah terkorban.

Langkah segera—apabila punca sesuatu kemalangan pesawat TUDM tetah dapat dipastikan, TUDM akan mengambil tindakan yang wajar supaya kejadian seperti itu tidak berulang. Tindakan yang akan dilakukan apabila berlakunya kemalangan adalah berpandukan kepada peraturan yang

sedia ada seperti mengadakan Lembaga Penyiasatan. Hasil dari penyiasatan ini akan dikaji oleh TUDM dan jika terdapat hal-hal yang perlu diubahsuai atau ditambah, baik pada aspek kaedah penyelenggaraan mahupun pada aspek pengubahsuaian pada alat dan kelengkapan pesawat jenis itu. Tindakan ini dilakukan bertujuan untuk menepati langkah-langkah segera demi untuk mengelakkan kemalangan seperti itu berulang.

Tiap-tiap kelengkapan yang dibeti telah dikaji penggunaannya menyesuaikan dengan tugas yang akan dilaksanakan oleh TUDM apabila menggunakan pesawat yang akan dibeli itu. Penyesuaian lugas dengan kemalangan mungkin berkaitan tetapi bukanlah bererti penyebab utama terhadap kemalangan, dan kemalangan adalah berpunca dari faktor-faktor yang tersebut tadi.

Dalam jangka panjang, TUDM ada program-program keselamatan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dari semua anggota TUDM dan juga memastikan setiap anggota faham akan tugas dan tanggungjawab di segi pengendalian.

Program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pengkajian dan peningkatan mutu perintah-perintah keselamatan;
- (ii) majalah keselamatan TUDM untuk meningkatkan kesedaran keselamatan;
- (iii) penubuhan jawatankuasa keselamatan di unit-unit untuk meningkatkan kualiti penguurusan keselamatan; dan
- (iv) perbincangan dan dialog antara anggota-anggota TUDM akan meningkatkan dan mencapai objektif keselamatan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah wujud satu korwensyen ataupun standard di antara angkatan-angkatan udara di seluruh dunia yang mana menentukan kekerapan ataupun kadar kekerapan kemalangan per seribu penerbangan misalannya. Adakah wujud itu? Kalau wujud, adakah kekerapan yang berlaku di dalam tentera udara kita itu di bawah tahap ataupun di atas tahap itu?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti ada atau tidak kadar atau nisbah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Tetapi kemalangan yang berlaku di dalam TUDM ini adalah angkanya kecil jika dibandingkan dengan angkatan tentera-tentera udara dari negeri-negeri yang lain, terutamanya yang mempunyai kelengkapan yang besar dan banyak daripada kita.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kemalangan itu bertaku dari kesilapan penyelenggaraan yang tersebut dari pesawat-pesawat yang baru dibeli ataupun terdapat di antaranya pesawat yang dibeli dari yang telah terpakai.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyebutkan kemalangan-kemalangan pesawat-pesawat kita ini adalah disebabkan oleh beberapa sebab yang saya sebut seperti kerosakan jentera, kesilapan penerbangan, cuaca buruk dan bahaya alam sekitar seperti kemasukan burung dalam injin pesawat. Jadi, tentang penyelenggaraan ini setakat yang diketahui oleh TUDM tiada kemalangan itu disebabkan oleh kesilapan penyelenggaraan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tiap-tiap kemalangan kapal terbang-kapal terbang Tentera Udara Di-Raja

Malaysia ini dikaji oleh satu badan seperti Royal Commission ataupun satu badan khas untuk mengkaji apakah punca kemalangan atas nahas itu. Jika ada, apakah find outnya?

Kedua, adakah benar bahawa kapal terbang Pilatus itu sentiasa menghadapi nahas kemalangan? Adakah Kementerian telah mengenalpasti sama ada kelemahan bagi ibusawat Pilatus itu mempunyai banyak kelemahan-kelemahan?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian yang pertama itu, setiap kemalangan yang berlaku Kementerian Pertahanan akan menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat dan laporan daripada Jawatankuasa Penyiasat ini akan dikaji oleh Kememernian, khususnya perkara itu akan dimajukan kepada Menteri. Biasanya kita akan mengambil tindakan-tindakan berasaskan daripada penyiasatan ataupun hasil daripada penyiasatan Jawatankuasa Penyiasat ini bagi mengelakkan kesilapan ataupun perkara-perkara yang menyebabkan kemalangan itu berulang lagi pada masa yang akan datang.

Bagi bahagian yang kedua soalan ini, Kementerian, khususnya TUDM sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menyelenggarakan pesawat-pesawat ini dan jika pesawat-pesawat itu tidak boleh lagi digunakan oleh TUDM, kita akan menghentikan penggunaannya.

#### **PEMBINAAN LEDUHRAYA TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI**

**7. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan kajian ke atas sumbangan dan keberkesanan pembinaan lebuh raya terhadap pertumbuhan ekonomi di

negeri-negeri yang terlibat khususnya bandar-bandarkecildinegeriberkenaan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa menjalankan kajian kemungkinan terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesuatu projek, sama ada projek lebuh raya, jalan raya Persekutuan dan sebagainya. Kajian ini adalah bagi memastikan projek-projek yang akan dilaksanakan itu betul-betul viable dan berfaedah dalam memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan pembangunan sosio ekonomi termasuk kepentingan penduduk tempatan di kawasan sesuatu projek itu. Kajian kemungkinan ini dijalankan oleh mereka yang pakar dalam bidang berkenaan yang terdiri daripada juru perunding yang telah dipersetujui dan dilantik oleh Kerajaan. Juru perunding ini dalam membuat kajiannya mengambilkira faktor-faktor geografi, sosial dan ekonomi sebelum memperakukan jajaran jalan yang sesuai untuk dilaksanakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai pakar-pakar atau juru perunding yang dirujuk atau membuat satu kajian terlebih dahulu terutama dalam segi geograti dan ekonomi. Saya hendak bertanya memandangkan bahawa jajaran lebuh raya tersebut melalui banyak kawasan di mana tanah adalah tidak berapa kukuh dan ini terbukti dengan keadaan Lebuh raya Timur/Barat (East/West Highway) terdapat banyak land slips, dengan izin, dan juga di kawasan lebuh raya Seremban ke Sungai Besi, terutama di lencongan masuk ke Seremban di mana terdapat satu land slip yang mungkin berlaku di kawasan tersebut. Adakah ini menunjukkan bahawa kajian yang tidak terperinci dan mendalam dibuat dan apakah langkah-langkah yang akan diambil daripada pihak Kementerian

untuk membelulkan kelemahan-kelemahan yang jelas terbukti ini, terutama sekali yang saya sebutkan tadi, Lebuhraya Timur/Barat di mana terdapat banyak land slips yang memutuskan perjalanan dalam lebuhraya tersebut.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara ini. Sebenarnya, kajian telah dibuat sebelum lebuhraya itu dibuat. Selepas itu kita selalu monitor apa yang berlaku dalam projek itu. Berkenaan dengan East/West Highway dan Jalan Seremban itu memang Kerajaan sedar apa yang sedang berlaku dan kita ada rancangan untuk memperbaikinya.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak tahu sama ada Kementerian Yang Berhormat telah merancang pembinaan lebuhraya menghubungi bandar-bandar kecil di Sarawak seperti Lebuhraya dari Bandar Kanowit ke Song dan terus ke Bandar Kapit; dan dari Kapit ke Bandar Belaga; dari Bandar Dalat ke Sibui; dari Pekan Selangau ke Ulu Telian sampai ke Bandar Mukah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Soalan tidak berkaitan dengan soalan asal. Terpulang kepada Timbalan Menteri untuk menjawab atau tidak.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sedikit terkeluar daripada soalan yang pokok ini. Pada pengetahuan saya ada satu jalan Pan-Borneo yang akan menghubungi Kuching sehingga ke Limbang sana dan rancangan yang pergi ke Kapit apa-apa itu tidak di dalam pengetahuan saya. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu, sila beri notis.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan

dengan keberkesanan pembinaan lebuhraya terhadap pertumbuhan ekonomi, saya hendak minia sama ada benar atau tidak di mana Menteri yang berkenaan telah berjanji kepada rakyat bahawa lebuhraya daripada Perlis sampai ke Johor Bahru akan disiapkan pada tahun 1993 - benar atau tidak? Jika benar, mengapa sehingga hari ini lebuhraya daripada Perlis hingga Johor Bahru itu tidak dapat disiapkan pada masa yang telah dijanji dan telah ditelapkan oleh Menteri yang berkenaan? Itu yang pertama.

Yang kedua, berapakah perbelanjaan tambahan bagi setiap lebuhraya di mana lebuhraya telah siap dibina dan kemudian untuk memperbaiki lebuhraya itu akan melibatkan perbelanjaan yang lebih besar daripada perbelanjaan yang asal. Kalau itu benar, apakah tindakan-tindakan bagi Kementerian untuk memberi satu jaminan bahawa setiap lebuhraya itu tidak kena bayar extra lagi semata-mata untuk membaiki lebuhraya yang telah siap itu?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya kita tidak berjanji bahawa lebuhraya dari Perlis ke Johor Bahru akan disiapkan pada akhir tahun 1993 - bukan berjanji. Sebenarnya kita mengatakan begini: "lebuhraya ini dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 1993." Mungkin ada masalah-masalah teknikal yang akan timbul dalam proses perlaksanaan itu, jadi mungkin tarikh persiapan ini akan pergi ke tahun 1994. Inilah jawapan daripada Kementerian saya.

Kedua, berkenaan variation costs, ini memang satu perkara yang selalu berlaku di dalam semua kontrak-kontrak, sama ada variation cost itu besar atau tidak dan Kementerian ini selalu mengkaji perkara ini dengan sikap yang serius. Kita tidak beri variation cost itu dengan sewenang-wenangnya. Sebenarnya kontraktor-kontraktor haruslah berbincang.

menuntut, mengikut cara-cara yang betul dan melalui saluran-saluran yang betul, barulah kita beri. Ini kita boleh jamin. Terima kasih.

## IMEJ ANGGOTA POLIS

**8. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah berusaha meletakkan imej anggota Polis sebagai sebuah organisasi profesional dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan taraf hidup mereka yang lebih baik bagi mengelakkan sebarang penyelewengan dan rasuah di kalangan anggota Polis.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru ini adalah merupakan perkara yang sama seperti yang telah saya jawab semasa perbincangan perbelanjaan Kementerian Dalam Negeri di peringkat Jawatankuasa baru-baru ini, maka saya tidaklah bercadang untuk menambah lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tiadakah bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri scdar bahawa satu daripada sebab mengapa rasuah dan penyelewengan berlaku di kalangan anggota-anggota Polis, terutamanya di kalangan konsiabel-konstabel, adalah kerana gaji dan elaun yang diberikan kepada mereka adalah terlalu rendah. Saya rasa kalau kita hanya menyalahkan anggota-anggota Polis sahaja adalah tidak berapa adil kerana gaji yang diberikan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu contributory factor, dengan izin, terhadap berlakunya gejala rasuah ini. Adakah pihak Kementerian serius untuk membasmi gejala rasuah dengan mengatasi pokok masalahnya iaitu gaji yang terlalu rendah dengan mengkaji semula struktur gaji yang diberikan kepada anggota Polis

dengan sekurang-kurangnya menaikkan gaji dan elaun terutama elaun perumahan yang saya rasa "inhuman", tidak berperi kemanusiaan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu jawapan yang penuh perri kemanusiaan seperti yang selalu diamalkah oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya seseorang itu yang mendapat pendapatan rendah dia melakukan rasuah. Tidak semua constable, dengan izin, melakukan rasuah. Yang berpangkat tinggi, yang bergaji besarpun melakukan rasuah. Orang kaya yang senang-lenang pun melakukan rasuah.

Kita tahu bahawa kebanyakan anggota Polis kita adalah terdiri dari orang Islam, kerana kemungkinan orang yang bukan Islam tidak teringin sangat hendak jadi anggota Polis. Perkara yang penting untuk mencegah rasuah ialah iman kita. Adakah kita boleh, dengan izin, control diri kita daripada menerima rasuah? Ada pula orang yang ingin memberi rasuah. Jadi kedua-dua faktor ini, yang menerima dan yang memberi juga, harus kita Cikirkan.

Jadi, saya memang tidak setuju pendapat Yang Berhormat yang mengatakan constable kita kebanyakannya rasuah. Ramai, peratusan besar daripada constable kita tidak rasuah, dan tidak semuanya yang berpangkat tinggi lidak rasuah.

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri sedang menjawab.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Duduklah, saya jawab ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Duduk sebentar, dia tengah menjawab.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Berilah saya jawab ini. Sebab apa, saya tidak setuju, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pendapatan rendah rasuah....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Beri dia peluang menjawab.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Soalan lambahan, saya jawablah. Tadi Yang Berhormat kata orang berpendapatan rendah mempakai orang yang rasuah. Itu tidak semestinya. Orang kampung yang berpendapatan rendah tidak pernah rasuah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. ....

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jadi, saya tidak bersetujulah. Bagaimanapun. ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua..'

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila duduk!

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bagaimanapun kita kena memikirkan keseluruhannya. Berapa kali saya katakan keseluruhan daripada gaji-gaji yang diberikan kepada anggota-anggota lain, bukan hanya Polis sahaja tetapi bahagian-bahagian lain yang bertugas dalam negara kita seperti tentera, guru, posmen dan sebagainya. Kalau jurang perbezaan itu terlalu besar maka wujud perasaan tidak senang di kalangan anggota-anggota lain. Jadi inilah masalah-masalah yang kita hadapi.

Bagaimanapun pihak Polis atau PDRM sentiasa cuba seberapa daya mengelakkan anggota-anggotanya terlibat dengan rasuah ini.

Tentang hal meninggikan lagi elau perumahan, ini telahpun kita ambil dengan cara yang serius dengan menambahkan peruntukan dan juga dengan menokok peruntukan yang baru sebanyak \$500 juta untuk kita mengadakan satu skim perumahan yang lebih baik, yang lebih selesa daripada hari ini dan hari ini kita tidak bolehlah mengatakan bahawa rumah-rumah Polis adalah merupakan tidak berperikemanusiaan. Itu adalah terlalu menghina saya ingat statement yang sedemikian rupa kerana hari ini kita lihat. ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut elau perumahan.. .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, beri dia peluang untuk menjawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab, saya kata gaji anggota Polis rendah.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Mana boleh soal jawab kalau soalan tambahan.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan Lim Guan Eng:** ..mengapa sesetengah mereka terjerumus dalam gejala rasuah—bukan semua rasuah. Ini saya harap fair sedikitlah. Jangan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tetapi saya memang tidak boleh menerima bahawa seseorang itu yang berpendapatan rendah melakukan rasuah—bukan. Saya tidak boleh terima. Kerana banyak orang yang lebih susah, dia tidak pernah rasuah dan dia tidak kenal pun

apa dia rasuah. Kerana kalau dia rasa diri dia, kalau dia buat benda itu, benda ini tidak baik, dia rasa bahawa bukan sahaja untuk dia makan benda yang haram, tetapi dia membesarkan anak dia pun haram, cucu yang lahir dari anak itu pun menjadi haram, kerana makan rasuah, Kalau ada yang berfikir demikian, dia tidak akan melakukan rasuah—tidak.

Jadi, janganlah kita fikirkan bahawa orang yang berpendapatan rendah itu hina sangat yang dia boleh melakukan rasuah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tentang elau perumahan, saya faham, niat Yang Berhormat itu baik. Jadi pihak Polis Di-Raja Malaysia memanglah cuba scbcrapa daya, pertama, hendak memberi keselesaan yang maksima kepada pasukan Polis supaya tidak berlaku rasuah, tidak ada merasa perasaan iri-hati kepada orang lain dan, kedua, kita akan cuba scberapa daya mempertingkatkan sistem perumahan pihak Polis supaya sama taraf dengan tentera sehingga saya sendiri minta supaya diadakan satu Taman untuk anggota Polis semuanya dengan adanya surau, dengan adanya dewan, dengan adanya kenderaan untuk mengangkut anak-anak- mereka pergi ke sekoiah dan sebagainya supaya keadaan mereka lebih selesa daripada apa yang kita adakan pada hari ini.

**Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu apakah pihak Kementerian tidak ada cadangan untuk memberikan beberapa kemudahan sebagaimana yang pernah diberi kepada anggota Tentera di mana kemudahan itu juga telah diberi kepada pasukan Polis, misalnya soal membeli barang tanpa tax?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi permulaannya, Pasukan Polis Di-Raja akan memberi kemudahan perumahan, dewan bermesyuarai dan juga untuk melakukan amal ibadat dengan mengadakan surau, Tadika dan sebagainya dalam kawasan perumahan pihak Polis iaitu rancangan perumahan Polis yang baru ini.

Tentang kedai khas tanpa cukai seperti yang diwujudkan dalam pasukan Tentera yang dikenali sebagai NAAPI, ini belum ada lagi rancangan bagi pasukan Polis.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa Timbalan Menteri cuba lari daripada kenyataan, walaupun beliau cuba mcmperiahankan. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Soalannya apa Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad Nor:** . . . Polis. Jadi, soalnya apakah Timbalan Menteri tidak sedar bahawa perbuatan rasuah itu memang nyata dan jelas. Kalau Timbalan Menteri hendak memperiahankan di sini, semua rakyat tahu, orang awam tahu bahawa perbuatan rasuah di kalangan anggota Polis adalah berleluasa dan apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan kerana kita mahu mempertingkatkan taraf perkhidmatan mereka, kita mahu mereka menjadi pegawai yang profesional supaya mereka tidak lagi melakukan rasuah. Ini satu kenyataan, jangan. lari dari kenyataan itu. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sangailah wakil dari Bayan Baru ini memberikan saya statistik, berapa peratuskah anggota Polis yang rasuah, berapa peratuskah dalam bahagian-bahagian lain yang rasuah? Kalau peratusan dalam pasukan Polis mengatasi jabatan-jabatan lain, saya terima kenyataan Yang Berhormat itu. Itu sahaja, sekian. Terima kasih. (*Tepuk*)

## PENGANGGURAN DI KELANTAN

**9. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan unik tngurangkan jumlah pengangguran seluruh negara dan betulkah Negeri Kelantan mempunyai jumlah pengangguran tertinggi dalam Malaysia dan apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan pengangguran di negeri Kelantan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu yang mengambil berat tentang pengangguran. Saya yakin ianya juga satu perkara yang diberi perhatian serius oleh kita semua selaku Wakil Rakyat yang bertanggungjawab. Kerajaan Barisan Nasional lbih-lcbih lagi insaf tentang pengangguran ini dan telah mengambil tindakan-tindakan yang berkesan, khususnya dalam bidang pembangunan ekonomi negara yang dapat menambahkan peluang pekerjaan.

Contohnya, Kerajaan telah menggubal dan menguatkuasakan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang mengamikan Akta Inseniif Pelaburan 1968. Tindakan ini telah dapat menarik banyak pelaburan ke negara kiiia. Data-data berikut dapat memberikan gambaran yang jelas tentang per-tambahan pekerjaan yang diwujudkan hasil tindakan Kcrajaan itu.

<i>Tahun</i>	<i>Pelaburan yang diluluskan (M\$juta)</i>	<i>Anggaran Pekerjaan diwujudkan</i>
1985	5,686.9	53,600
1986	5,163.2	40,200
1987	3,933.9	60,000
1988	9,093.9	142,900
1989	12,215.4	176,600
1990	21,283.1	123,550

(Jan-Sept)

Untuk menentukan perkembangan ini berjalan lancar, Kerajaan terus memberi tumpuan membangunkan infrastruktur dalam negara, baikpun yang bercorak fizikal seperti jalan, pelabuhan, lapangan terbang, tapak-tapak industri dan alatan komunikasi elektronik, mahupun infrastruktur perkhidmatan kewangan seperti bank, insuran, bursa-bursa saham dan lain-lain.

Di samping itu melalui penubuhan satu Kementerian baru, Kerajaan telah dapat melipatgandakan kedatangan pelancong ke negara kita. Sektor ini juga telah membuka banyak pekerjaan baru.

Tindakan Kerajaan bukan sahaja dapat mengurangkan kadar tetapi juga dapat mengurangkan bilangan sebenar penganggur. Data-data daripada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh berkenaan dengan pengangguran adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kadar Pengangguran</i>	<i>Bilangan Pengangguran</i>
1985	6.9%	414,500
1986	8.3%	515,700
1987	8.2%	528,100
1988	8.1%	534,700
1989	7.1%	483,200
1990	6.3%	443,100

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kelantan bukan negeri yang mempunyai kadar ataupun jumlah pengangguran yang icuinggi. Kerajaan Persekutuan memberi perhatian yang sama kepada Kelantan seperti yang diberi kepada negeri-negeri lain dalam negara. Di Kelantan, beberapa agensi telah ditubuhkan dan diberi peruntukan yang banyak bagi menerokai pembangunan dan pengembangan ekonomi ngeri. Infrastruktur fizikal jugaditambah untuk tujuan ini.

Semua usaha Kerajaan Persekutuan akan terhindar jika Kerajaan APU sekarang mengambil sikap dan pendirian negatif dan pengangguran tidak dapat

diatasi. Sudah ada tanda-tanda pelabur-pelabur yang mulanya bercadang melabur di Kelantan, sudah mula teragak-agak. Saya percaya Yang Berhormat dari Kota Bharu boleh dan dapat meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan membuat dasar-dasar yang lebih wajar. Ini dapat membantu mengurangkan pengangguran di Kelantan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat,

**Tuan Ahmad bin Nor:** Soalan tambahan. Di samping negara menghadapi masalah pengangguran, kila juga dapati bahawa di dalam negara kita juga kekurangan tenaga di dalam berbagai sektor khususnya sektor pertanian. Apakah sebabnya perkara ini berlaku? Terima kasih.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, kurangnya tenagapekerja ini berbangkit oleh beberapa sebab. Dalam bidang pertanian adalah kerana penghijrahan daripada masyarakat dalam bidang pertanian untuk bekerja di bidang perindustrian seperti mana yang saya sebutkan tadi kerana bilangan pekerjaan dalam bidang perindustrian telahpun bertambah dan merekabehijrah ke situ. Untuk mengatasinya, pihak Kerajaan telahpun mengambil tindakan yang tertentu.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin tahu adakah pihak Kerajaan sedang mengatur langkah-langkah untuk memperbetulkan anomaly, dengan izin, iaitu di beberapa negeri terdapat kekurangan tenaga dan di beberapa negeri juga termasuklah negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu yang ada berlebihan gunatenaga.

Soalan kedua, beberapa buah negeri pula sepertimana Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka ke semuanya mengalami tidak kecukupan gunatenaga melebihi 70%—mengikut

satu kajian oleh akhbar yang saya rujuk kepada *The Star* dan di pihak negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, Terengganu, Pahang dan Kelantan pula pengangguran mungkin lebih tinggi daripada average bagi seluruh negara. Jadi, bagaimanakah cara Kerajaan ingin mengatasi masalah ini? Tidakkah dapat Kerajaan memikirkan satu cara untuk menemukan gunatenaga ini dengan pihak yang memerlukan kepada tenaga itu?

Mengikut laporan *The Star* itu, beberapa kumpulan industri telahpun dapat dikenalpasti yang memerlukan kepada tenaga-tenaga ini dan komen yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan Kerajaan APU, saya rasa mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak membaca akhbar-akhbar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, soalnya?

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Soalnya, mungkin adakah Timbalan Menteri membaca akhbar-akhbar di mana tersiar kenyataan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar negeri Kelantan yang telah menyatakan bahawa segala usaha-usaha akan dijalankan untuk menggalakkan pelabur-pelabur untuk ke negeri Kelantan? Kami menggunakan open concepi (sikap terbuka) dan tidak pernah lagi mana-mana kilang yang hendak bercadang untuk melabur untuk membatalkan cadangan itu. Jadi, mungkin Timbalan Menteri boleh memberi bukti.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu yang menyebutkan berkenaan dengan pertamanya, anomaly yang berlaku ini. Saya ingat kita tidak dapat elak daripada ini kerana pembangunan yang berkelompok-kelompok. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui dasarnya telahpun mengambil daya usaha untuk menggalakkan pem-

bangunan di seluruh negara dan untuk membantu usaha-usaha ini. Kerajaan telahpun memperluaskan infrastruktur seperti lebuh raya dan sebagainya. Ini semuanya dapat membantu pembangunan. Bahkan usaha-usaha yang dibuat untuk matching ini, atau untuk matching daripada permohonan tenaga kerja dan juga pembekalan tenaga kerja ini dapat diatasi kalau kita dapat tarik pelabur-pelabur dan sebagaimana sudah termaklum. Usaha-usaha ini sedikit sebanyak sudahpun mencapai kejayaan sungguhpun saya bersetujulah masih ada ruang untuk diperbaiki. Sebagaimana yang termaklum, dalam bidang pertanian hari ini kita terpaksa menerima buruh-buruh dari negara-negara jiran.

Berkenaan dengan Kelantan ini, saya tertarik juga dengan apa Yang Berhormat sebut berkenaan sikap terbuka. Mungkin sikap terbuka ini termasuklah, saya tidak tahulah, saya pun baca suratkhabarlah. Ada yang mungkin saya tidak terbaca - saya baca suratkhabar semalam kononnya Kerajaan Kelantan sudah tidak mahu meneruskan pelaksanaan hukum hudud. Mungkin ini sistem terbuka, tetapi pada mulanya nampak beria-ia sangat. Kita lahulah, apakah ini terbuka ataupun tidak. Bila kata terbuka kadang-kadang teriut-p- juga. Dahulu kita dengar riuh juga fatwa wanita tidak boleh bekerja malam, lepas itu boleh bekerja malam pula. Mungkin iiu, 'sekejap lutup, sekejap buka'. Sekejap tutup, sekejap buka ini pun bangkit masalah juga. Orang tidak dapat membuat keputusan kerana tidak tahu pendirian kita.

#### **TAMBAK KEDUA JOHOR— PENGAMBILAN TANAH**

**10. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Kerjaraya menyatakan betapa Tambak Kedua Johor (second link) akan melibalkan pengambilan tanah:

- (a) seluas mana tanah rakyat yang akan diambil dan seluas mana pula melibatkan tanah Kerajaan;

- (b) berapa ramai kah tuan tanah yang terlibat;
- (c) berapakah pampasan bagi satu hektar dan berapa peruntukan pampasan yang dianggarkan;
- (d) antaratuantanahitumungkinada yang tidak mempunyai tanah lain, maka apakah kemudahan mereka untuk mendapatkan tanah Kerajaan sebagai tanah gantian; dan
- (e) apakah kemudahan yang akan diperolehi oleh tuan-tuan tanah yang terlibat selain dari pampasan bagi memulihkan kehidupan, membaiki atau membina rumah baru dan sebagainya.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pertanyaan (a), dan (b), sukalah saya menyatakan bahawa setakat ini jumlah keluasan tanah yang terlibat belum dapat dipastikan dengan tepat disebabkan ianya tertakluk kepada rundingan di antara Kerajaan Negeri Johor dengan pihak swasta yang terlibat bagi menentukan jumlah sebenar tanah-tanah yang perlu diambil balik bagi projek laluan kedua ini. Oleh itu, bilangan tuan tanah yang terlibat juga belum dapat ditentukan.

Bagi pertanyaan (c), mengenai pampasan yang akan diberikan, Kerajaan akan membuat pembayaran pampasan ke atas tanah yang diambil balik mengikut harga pasaran semasa mengikut undang-undang.

Mengenai soalan (d) dan (e), memandangkan projek laluan kedua ini masih di dalam peringkat kajian kemungkinan, bilangan tuan tanah yang mungkin tidak mempunyai tanah lain bila tanah mereka terlibat dengan projek ini tidak dapat ditentukan juga. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya supaya pelaksanaan projek ini akan melibatkan

penempatan semula yang minima dan kebajikan tuan tanah yang terlibat diberi perhatian sewajarnya.

### KERETA PROTON SAGA— EKSPORT KE LUAR NEGERI

**11. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah kereta nasional Proton Saga yang dieksport ke luar negeri bagi tempoh 1987, 1988, 1989 hingga Oktober 1990. Nyatakan juga keuntungan bersih dari eksport dalam tempoh tersebut.

8.2.92

**17. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menambah pengeluaran kereta Proton Saga bagi dieksport ke negara-negara bukan Komanwel. Jika ada, bilakah projek ini akan dilaksanakan dan negara-negara manakah yang telah dikenalpasti.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sabak Bernam pada 8hb Pebruari, 1991 kerana soalan-soalan ini adalah berhubung dengan perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Proton telah mengeksport sebanyak 24,263 unit kereta sejak tahun 1987 hingga Oktober tahun lalu dengan nilai eksport sebanyak \$352 juta. Pecahan eksport mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Eksporti (unit)	Nilai (\$juta)
1987	443	1
1988	861	12
1989	11,855	183
1990 (Jan-Okt)	11,104	150
Jumlah	24,263	352

Proton memang merancang untuk meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan untuk eksportnya. Tumpuan eksport Proton tidaklah hanya ke negara-negara Komanwel sahaja, tetapi juga meliputi ke negara-negara bukan Komanwel.

Usaha yang lebih giat sedang dijalankan oleh Proton untuk memperluaskan lagi pasaran eksportnya ke negara-negara yang difikirkan mempunyai potensi pasaran yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kereta-kereta Proton telah dieksport ke negara-negara berikut:

1. Bangladesh
2. Sri Lanka
3. Brunei
4. New Zealand
5. Malta
6. Eire
7. Jamaica
8. United Kingdom
9. Singapura
10. Nauru
11. Mauritius

Mengenai keuntungan/(kerugian) Proton, sukalah saya katakan di sini tahun kewangan Proton bermula daripada 1hb Mac dan berakhir 31hb Mac tahun hadapan:

Tahun Kewangan	Untungl(Rugi) (\$juta)
1985/86	(42)
1986/87	(64)
1987/88	(59)
1988/89	32
1989/90	158.9

Untuk tahun kewangan 1hb April 1990 - 31hb Oktober 1990 keuntungan yang diperolehi adalah sebanyak \$156.5 juta berbanding dengan \$78.3 juta pada jangkamasa yang sama pada tahun 1989.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kereta Proton Saga yang dieksport ke luar negeri, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun

silanya Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu negara manakah di antara negara-negara luar yang mengimport kereta nasional kita yang dapat memberi layanan terbaik dari segi import?

Yang kedua, adakah harga kereta Proton Saga yang dijual dalam negeri iaitu kepada rakyat kita sendiri boleh dianggap murah jika dibandingkan dengan harga-harga yang ditawarkan kepada rakyat di negara asing yang mengimport kereta kita untuk dijual di negara itu?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara yang kila mengeksport Proton, saya telah senaraikan tadi yang memberikan layanan yang terbaik sekali ialah United Kingdom. United Kingdom daripada tahun 1987 hingga Oktober 1990 telah mengimport sebanyak 19,941 buah unit Proton Saga. Yang kedua, Singapura yang mengimport sebanyak 1,824 unit Proton Saga diikuti oleh Eire sebanyak 1,160 buah unit. Yang keempat, New Zealand - 527 unit. Kelima, Jamaica sebanyak 198 unit. Keenam, Brunei—160 unit. Dan ketujuh, Bangladesh—151 unit.

United Kingdom merupakan negara yang paling baik daripada segi pengimportan kereta Proton memberikan satu keistimewaan kepada kita iaitu kekurangan cukai sebanyak 10% oleh kerana kita telah memenuhi syarat GSP untuk United Kingdom iaitu kita ada lebih daripada 60% local content, dengan izin, dalam perubatan (manufacture) kereta Proton.

Mengenai soalan yang kedua, saya ingat ini terkeluar sedikit daripada soalan pokok yang menceritakan mengenai eksport.

#### **HARTA PENGEDAR DADAH YANG DIRAMPAS**

**12. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan butir-butir berkenaan dengan harta-harta

yang dirampas yang kepunyaan pengedar-pengedar dadah yang disyaki di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 sehingga Oktober 1990.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mulai daripada Mei 1988 hingga Oktober 1990 harta yang berjumlah \$4.23 juta telah disita untuk siasatan lanjut. Harta yang dirampas adalah merupakan barang-barang kemas, saham, wang tunai, kenderaan dan lain-lain lagi.

#### **MAJLIS PERUNDINGAN AKTA PENDIDIKAN**

**13. Dato' K. Kumaran** minta Menteri Pendidikan menyaiaikan kemajuan yang dicapai oleh Majlis Perundingan Pendidikan 1990 setakat ini dalam membentuk sebuah Akta Pendidikan yang lengkap. Nyatakan juga, konstrain-konstrain yang didapati oleh Majlis ini dalam pelaksanaan tugasnya. Sila bcrikan laporan lengkap mengenai perjalanan Majlis Perundingan Akta Pendidikan 1990 setakat ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Perundingan Akta Pendidikan yang disertai oleh 88 orang wakil pertubuhan telah mengadakan 5 kali persidangan setakat ini. Persidangan-persidangan ini telah memberi tumpuan kepada perbincangan secara am dan tiap-tiap ahli telah diberi peluang untuk mengemukakan pandangan umumnya mengenai kandungan draf Rang Undang-undang itu. Persidangan seterusnya akan meneliti kandungan Rang Undang-undang itu secara terperinci.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiap-tiap ahli Majlis itu diberi kebebasan yang sepenuhnya untuk menyuarakan pendapat mereka dan pandangan-pandangan yang dikemu-

kakan itu dapati berguna. Soal kekangan tidak timbul dalam perjalanan Persidangan Majlis berkenaan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan bilakah laporan penuh ataupun lengkap Majlis Perundingan ini dapat dikeluarkan dan adakah ianya akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah jelaskan dalam Dewan ini, apabila perbincangan Majlis Perundingan Akta Pendidikan ini siap/selesai, laporan perbincangan ini akan dikemukakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilakah ada had masa sedikit untuk mengumumkan laporan yang lengkap dan juga Rang Undang-undang tersebut untuk khalayak ramai dan adakah sekarang terdapat percanggahan-percanggahan di dalam isu-isu pokok seperti KBSR, KBSM dan juga bakal kurikulum baru Universiti? Dan adakah di dalam Majlis ini membincangkan cara-cara untuk melantik Naib Canselor dengan cara yang baik bagi negara ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita telah beberapa kali menyatakan, kita telah menjawab bahawa kita akan selesaikan perundingan ini, selepas perbincangan kita cukup memuaskan dari segi pandangan-pandangan semua. Dan kalau Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang lebih lagi berminat, kita telahpun menyampaikan dahulu jemputan ke Majlis tersebut,

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Dr Kua Kia Soong.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 14. Bolehkah saya membuat satu pembetulan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Silakan.

**Dr Kua Kia Soong:** Sejak saya menulis soalan ini, Kerajaan kita yang penyayang sudahpun menahan lebih daripada empat orang tahanan daripada Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pembetulan berapa orang?

**Dr Kua Kia Soong:** Angka-angka yang baru, saya rasa sembilan atau lapan. Bolehkah Timbalan Menteri jelaskan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### TAHANAN EMPAT RAKYAT SABAH DI BAWAH ISA

**14. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan butir-butir lanjut mengenai butir-butir pertuduhan-pertuduhan yang terkandung di dalam perintah tahanan keempat-empat rakyat Sabah yang kini ditahan di bawah ISA di Kamunting.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, butir-butir pertuduhan terhadap keempat-empat orang rakyat Sabah yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah bahawa mereka didapati telah melibatkan diri secara aktif di dalam satu pakatan rahsia yang dikenali sebagai Pertubuhan Pembebasan Rakyat Sabah (PPRS) yang bertujuan untuk memisahkan Sabah dari Malaysia menerusi rampasan kuasa secara kekerasan bersenjata dan di luar Perlembagaan Malaysia.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang ataupun tidakkah

terfikir oleh pihak Kerajaan untuk memberi peluang bagi mereka untuk menyatakan kes mereka di mahkamah pengadilan kerana tuduhan ke atas mereka itu adalah satu perkara yang serius dan seharusnya masyarakat umum mempunyai hak untuk mendengar kes-kes di pihak mereka? Jadi, demi untuk keadilan untuk semua termasuklah mereka yang teriuduh, adakah Kerajaan bercadang untuk membawa mereka ke mahkamah pengadilan dan kalau tidak mengapa, dan kalau mungkin ya, bila?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, scpertimana Yang Berhormat terlebih maklum, bahawa kehendak undang-undang tersebut memberi kuasa sedemikian rupa ke atas Akta tersebut yang mana Akta ini tidak memerlukan atau memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk tidak mernbawa perkara ini ke mahkamah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih, Tuan Speaker. Adakah 4 orang tahanan ini membuat representasi terhadap perintah tahanan kepada Lembaga Penasihat? Jika ya, adakah rckomendasi dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong dan, jikalau ya, apakah rekomendasi itu? Apakah decision Yang di-Pertuan Agong di atas rekomendasi itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak saya belum lagi mendapat tahu bahawa keempat-empat orang tahanan ini telah membuat representasi melalui Lembaga Pcnasihat kepada pihak yang berkuasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ISA membenarkan Kerajaan menangkap keempat-empat orang ini tanpa dibicarakan, bukankah kegunaan ISA, sungguhpun Kerajaan boleh mendakwa mereka di Mahkamah di bawah Akta-akta yang lain, menunjukkan bahawa alasan yang ada dalam tangan Kerajaan itu tidak kuat dan sebenarnya alasannya ialah merupakan alasan politik dan bukan keselamatan?

Untuk meyakinkan rakyat dan seluruh negara bahawa ISA tidak disalahgunakan, adakah Kerajaan berhasrat untuk mendakwa mereka di Mahkamah?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, daripada dokumen-dokumen, kertas-kertas kerja dan minit-minit mesyuarat yang telah dirampas daripada mereka, ia adalah merupakan sesuatu dokumen yang cukup sensitif yang harus diselidik dan disiasat dengan lebih mendalam lagi yang mana ia mengancam keselamatan negara, di mana mereka bertujuan, seperti yang saya katakan, mcngeluarkan Sabah dari Malaysia. Jadi, perkara ini adalah satu perkara yang cukup penting dan tidak ada kena-mengena dengan politik tetapi semata-mata dari segi keselamatan negara.

## CUKAI PERJUDIAN

**15. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) hasil cukai yang didapati setiap tahun pada puratanya dari perjudian di negara ini;
- (b) berapakah syarikat telah diberi lesen untuk menjalankan kegiatan perjudian dan senarai nama-nama syarikat itu; dan
- (c) apakah tindakan akan diambil untuk mengawal wabak perjudian di Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hasil cukai perjudian yang didapati setiap tahun pada puratanya ialah kira-kira \$310.8 juta.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah pun beberapa kali menjawab soalan ini dan saya harap soalan ini

adalah untuk kali penghabisan. Pada masa kini ada 7 jenis aktiviti perjudian telah dibenarkan oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat berikut:

- (i) Aktiviti Kasino—kepada Resorts World Bhd.
  - (ii) Aktiviti Pertaruhan TOTO kepada Sports TOTO Malaysia Berhad.
  - (iii) Aktiviti Pertaruhan Empat Nombor Ekor (4D) kepada Magnum Corporation Berhad.
  - (iv) Aktiviti Pertaruhan Kuda Dalam Gelanggang dan di Luar Gelanggang kepada Lembaga Totalisator Malaysia, tetapi operasinya dikendalikan oleh Kelab-kelab Lumba Kuda.
  - (v) Aktiviti Pertaruhan Tiga Nombor Ekor (3D) kepada Lembaga Totalisator Malaysia, tetapi operasinya dikendalikan oleh Syarikat Usaha Tegas Sdn. Bhd.
  - (vi) Aktiviti Loteri Big Sweep kepada Kelab-kelab Lumba Kuda, tetapi operasinya dikendalikan oleh Syarikat Usaha Tegas Sdn. Bhd.
  - (vii) Aktiviti mesin slot kepada 34 buah Kelab Syarikat. Memandangkan bilangannya yang banyak, adalah dicadangkan supaya senarai syarikat berkenaan diperolehi secara bertulis daripada Kementerian Kewangan.
- (c) Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah yang positif bagi mengawal perjudian di negara kita. Ahli Yang Berhormat sedia maklum.

negara ini adalah negara berbilang kaum dan berbilang agama. Ada golongan yang suka berjudi dan bagi golongan ini walau apa pun sekatan dikenakan mereka akan terus berjudi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat bagi mengawal kegiatan perjudian dengan lebih berkesan, di antaranya seperti berikut:

- (i) Memasang papantanda di luarpusat-pusatperjudian yang menyatakan:
  - Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dan murid-murid sekolah dilarang sama sekali memasuki tempat perjudian.
  - Judi adalah haram di sisi agama Islam.
  - Orang ramai yang bukan Ahli Kelab tidak dibenarkan memasuki dan bermain mesin slot.
- (ii) Siasatan dibuat untuk memastikan syarat-syarat lesen adalah dipatuhi sebelum lesen diperbaharui.
- (iii) Menghadkan waktu beroperasi di pusat-pusat perjudian mesin slot iaitu dari 12.00 tengahari sehingga 12.00 malam sahaja pada hari-hari biasa dan dari 12.00 tengahari sehingga jam 1.00 pagi pada hujung minggu.
- (iv) Mendapatkan pandangan Kerajaan Negeri sebelum sesuatu lesen diperbaharui.

- (v) Kerajaan tidak akan mengeluarkan lagi lesen baru bagi kegiatan perjudian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa yang diperuntukkan bagi soal jawab sudahpim cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,3,5 dan 16 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).*

#### UNIYERSITI TEMPATAN— KELAYAKAN MASUK

**1. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk memastikan semua penuntut yang layak berpeluang memasuki universiti tanpa halangan kuota mengikut kaum; dan
- (b) adakah Kerajaan merancang untuk mendirikan lebih banyak universiti-universiti serta membenarkan universiti-universiti swasta didirikan di negara ini supaya semua rakyat berpeluang mendapatkan kemudahan pendidikan tinggi secara adil dan saksama.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Peluang seseorang calon untuk memasuki universiti-universiti tempatan bergantung kepada kelulusan yang diperolehi di dalam peperiksaan STPM atau yang setaraf dengannya, syarat-syarat khas fakulti yang mesti dipenuhi dan bilangan tempat ditawarkan dalam sesuatu bidang pengajian. Selain dari itu, Kerajaan telah menetapkan kuota pengambilan pelajar-pelajar ke

universiti tempatan iaitu 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera. Dasar ini adalah satu kompromi untuk mengimbangkan kedudukan berbagai kaum dalam negara ini. Perkara ini telah diteliti dengan mendalam dan setakat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar tersebut.

- (b) Kementerian Pendidikan belum mempunyai rancangan untuk menambahkan bilangan institusi pengajian tinggi atau membenarkan penubuhan universiti swasta di negara ini. Walau bagaimanapun, bagi memenuhi keperluan pendidikan tinggi yang semakin meningkat, beberapa langkah telah dan sedang diambil, di antaranya menambahkan kemampuan institusi-institusi pengajian tinggi dengan mempertingkatkan kemudahan dan keupayaan fizikal di kampus-kampus induk dan cawangan serta memperkenalkan kursus-kursus baru. Dengan demikian, institusi pengajian tinggi tempatan akan dapat menyediakan bilangan tempat yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pendidikan tinggi yang semakin meningkat.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan telah membenarkan pihak swasta mengendalikan program berkembar (twinning programme) dengan kerjasama universiti luar negeri, dalam beberapa kursus tertentu.

#### RAJA BERPERLEMBAGAAN— ISU SENSITIF

**3. Tuan Shukri bin Haji Mohamed** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan tegas telah diambil terhadap mana-mana pihak yang dikatakan telah menggunakan istana untuk kepentingan parti.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan memang peka terhadap keharmonian kaum di negara ini. Berbagai undang-undang telah diwujudkan berdasarkan kepada peruntukan di dalam Perlembagaan bertujuan untuk menyekat sebarang ketidaksefahaman, pertentangan dan perpecahan di kalangan rakyat berhubung dengan isu-isu sensitif sama ada dari segi perkauman, keagamaan atau bahasa dan kedudukan Raja Betperlembagaan.

Sehingga ini belum ada tindakan diambil terhadap mana-mana pihak berhubung dengan perkara di atas. Namun demikian, Kerajaan sangat prihatin terhadap perkara ini dan akan terus mengikuti perkembangannya.

#### **GURU BESAR SEKOLAH MENENGAH/RENDAH DI SABAH**

**5. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah bilangan atau peratusan anak Sabah yang menjadi Guru Besar dan Pengetua sekolah-sekolah rendah dan menengah dan Sekolah Jenis Kebangsaan di Sabah berbanding dengan bilangan yang bukan anak Sabah atau yang didatangkan dari negeri-negeri lain.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Sabah terdapat seramai 107 orang Pengetua sekolah menengah dan 953 orang Guru Besar sekolah rendah. Dari sejumlah itu, seramai 62 orang Pengetua sekolah menengah dan 937 orang Guru Besar sekolah rendah adalah Pegawai-pegawai Pendidikan yang berasal dari Sabah.

#### **PENYELUDUPAN DADAH— MEMBANTERAS KEGIATAN**

**16. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

walaupun terdapat berbagai anggota pihak berkuasa dan keselamatan yang ditugaskan di sempadan membanteras segala kegiatan penyeludupan dadah merbahaya, senjatapi dan lain-lain. Apakah sebenarnya kelemahan-kelemahan yang wujud yang harus diatasi.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan telah mengambil langkah-langkah pencegahan kegiatan penyeludupan di kawasan sempadan terutamanya di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand. Antara langkah-langkah tersebut ialah penubuhan Unit Pencegah Penyeludupan dan dibantu oleh lain-lain agensi penguatkuasa seperti Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Hutan serta pembinaan pagar keselamatan sempadan.

Namun demikian, kegiatan penyeludupan tidak dapat dibendung sepenuhnya kerana masalah yang di luar kawalan umpamanya:

- (a) keadaan fizikal kawasan sempadan yang panjang dan sukar dikawal sepenuhnya terutama di sempadan perairan. Tidak semua kawasan dapat dikawal dan di pagar disebabkan perbelanjaan yang tinggi;
- (b) penyeludupan barang-barang bahaya seperti senjata api dan dadah adalah sukar dikesan kerana ianya mudah disorok dan dibawa melintasi sempadan terutamanya di kawasan-kawasan hutan atau penjualan haram dan jalan laut yang kurang dikawal; dan
- (c) sindiket-sindiket penyeludupan yang semakin sophisticated, dengan izin, dalam gerakan-gerakan mereka misalnya dengan menggunakan telefon bergerak dan walkie-talkie untuk mengesan rondaan-rondaan Unit Pencegah Penyeludupan.

**TAHUN MELAWAT MALAYSIA  
1990—KOS PERBELANJAAN**

**17. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan senarai program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 1990 serta nyatakan kos perbelanjaan setiap acara dan pcsta.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy):** Bersempena Tahun Melawat Malaysia 1990, sebanyak 127 acara telah disenaraikan di dalam Kalendar Aturcara. Hampir kesemua acara berkenaan telah menerima bantuan kewangan dari Kementerian ini. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa acara/aktiviti yang tidak lermasuk dalam Kalendar Aturcara telah mendapat bantuan kewangan dari Kementerian ini. Jumlah bantuan kewangan yang telah diberi untuk acara-acara/aktiviti-aktiviti sempena Tahun Melawat Malaysia adalah sebanyak \$13,744,800.

**ORANG YANG DITANGKAP DI  
BAWAH KANUN PROCEDURE  
JENAYAH**

**18. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah orang yang ditangkap dan dilahan di bawah Seksyen 117 Kanun Aturcara Jenayah (Criminal Procedure Code) dalam setiap tahun sejak 1981; dan
- (b) jumlah orang yang dibebaskan tanpa sebarang tuduhan di mahkamah dalam setiap tahun bagi tempoh masa yang sama.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jumlah orang yang ditangkap dan ditahan di bawah Seksyen 117 Kanun Procedure Jenayah dan jumlah orang

yang dibebaskan tanpa sebarang tuduhan di mahkamah dalam tahun-tahun 1981-1990 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah yang Ditangkap dan Ditahan</i>	<i>Jumlah yang Dibebaskan</i>
1981	18,603	9,256
1982	19,232	9,587
1983	19,847	9,802
1984	20,840	10,428
1985	22,546	10,242
1986	23,663	11,646
1987	22,617	11,664
1988	31,132	15,478
1989	30,370	16,297
1990	27,065	13,228

**USUL-USUL**

**AKTA PROSEDUR KEWANGAN  
1957**

**Menambah Butiran Baru:  
"Kumpulanwang Amanah  
Kebajikan Jabatan  
Perkhidmatan Bomba"**

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) Sksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bcrsetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya buliran baharu seperti berikut:

"Kumpulan wang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba."

Mengikut Peraturan Sksyen 10 (4) Akta Acara Kewangan 1957, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa

dengan satu ketetapan meminda, memotong ataupun menambah Jadual Kedua Akta tersebut, Kerajaan bercadang menubuhkan satu Kumpulanwang Amanah Kebajikan di bawah Seksyen 10 (4) Akta Kewangan 1957 yang dinamakan Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu memberi penjelasan tujuan penubuhan Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Sebagaimana yang diketahui tugas ahli-ahli Bomba ialah mencegah dan memadam kebakaran untuk melindungi manusia dan memelihara harta-benda orang-orang awam dan tugas ini menghadapi risiko kerja yang berbahaya. Berdasarkan kepada hakikat ini, maka Ahli-ahli Bomba seharusnya diberi penghargaan, sanjungan dan penghormatan di atas jasa-jasa mereka dan sebagai tanda penghargaan dan menjaga serta memelihara kebajikan mereka jika berlaku apa-apa kemalangan ataupun kecelakaan, maka Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba diwujudkan mengikut Pasal 48, Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Kumpulanwang ini ditubuhkan bertujuan:

- (i) Membcri hadiah kepada Pegawai Bomba bagi perkhidmatan tambahan atau khas yang diberi oleh mereka.
- (ii) Bagi maksud mengadakan keselesaan, kesenangan dan faedah lain yang tidak dapat dipertanggungkan kepada hasil awam.
- (iii) Bagi maksud memberi pinjaman kepada mereka.

Dengan wujudnya Tabung ini, adalah diharapkan semua pegawai dan ahli-ahli Bomba akan lebih berperangsan dan

tidak lagi teragak-agak untuk menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Pembiayaan bagi menampung aktiviti Kumpulanwang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba ini akan diperolchi melalui sumbangan dan dcrma daripada pihak awam, swasta dan juga pembayaran-pembayaran yang diperolehi melalui perkhidmatan pegawai Bomba dalam menjalankan tugas-tugas khas di bawah Seksyen 50, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 atau daripada dendaan yang dikenakan ke atas pegawai-pegawai Bomba dalam mana-mana prosiding disiplin dan daripada harta dan wang yang diberi kepada pegawai Bomba dan dilucutkan atas perintah Mahkamah.

Di samping itu Kerajaan juga dari masa ke semasa akan menyumbang kepada sumber kewangan Kumpulanwang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Sebagai permulaannya Kerajaan akan menyumbang sebanyak \$500,000. Sumbangan itu adalah satu tanda sokongan dan pengiktirafan terhadap sumbangan bakti yang diberikan oleh anggota Bomba selama ini kepada rakyat dan negara.

Kumpulanwang ini diletakkan di bawah pengawalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bomba, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.40 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, mengadakan

Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah satu langkah ke arah yang betul. Sukalah saya bangkitkan di sini bahawa saya tidak nampak satu target yang ditentukan oleh pihak Kementerian untuk Kumpulanwang Amanah ini. Adakah amaunnya akan sampai ke \$30 juta ataupun \$100 juta ataupun setakat \$500,000 sahaja yang telah disumbangkan oleh pihak Kerajaan itu.

Risiko bagi pihak ahli-ahli Bomba, sama ada pegawai ataupun ahli Bomba biasa, memang begitu tinggi sehingga kadangkala ada kemalangan, ada kecelakaan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat ladi. Tetapi di sini, perlulah saya tekankan bahawa selain daripada target amaun, kita hendak tahu bagaimana wang-wang seperti ini akan dibayar kepada pihak yang tertentu termasuk hadiah dan pinjaman. Memang kita hendak menjaga kebajikan pegawai dan ahli Bomba yang memainkan peranan yang begitu penting. Saya ada beberapa perkara di sini yang kait-mengait dengan perkhidmatan dan kebajikan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kumpulanwang yang hendak ditubuhkan ini, kita perlu merenung dengan sedalam-dalamnya syarat-syarat dan keadaan serta situasi perkhidmatan Bomba di negara ini. Kita sedia maklum pada awal tahun yang lcpas, ada Kesatuan Bomba hendak mengadakan mogok ataupun work-to-rule dan sebagainya. Jadi, ini menunjukkan ketidakpuasan mengenai keadaan dan syarat-syarat perkhidmatan mereka dan perlukan bagi Kementerian meneliti perkara ini.

Yang pertama, sama ada kelengkapan yang ada sekarang mencukupi dan Balai-balai Bomba mencukupi di seluruh negara lerutamanya di Semenanjung? Sama ada ini salah satu punca yang menyebabkan kakitangan terpaksa kerja dengan lebih masa? Adakah bilangan ahli dan pegawai Bomba itu mencukupi

untuk menyahut perkembangan dan kemajuan masyarakat ini dengan tambahan lebih taman-taman kediaman dan banyak lagi pembangunan di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di sini bahawa masalah kerja dengan masa yang panjang dan lebih masa ini, pihak Kemenierian itu tidak pernah mengeluarkan penyelesaian ke atas masalah seperti ini. Ada satu lagi yang dianggap tidak patut oleh ahli-ahli Bomba ialah peluang untuk kenaikan pangkat. Peluang ini tidak begitu baik sehingga ada setengah-setengah telah membuat banyak aduan, sungutan dan rungutan kepada pihak Ahli-ahli Parlimen. Saya percayalah, ada setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini, walaupun tidak berminat untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan, memang ada terima aduan, sungutan dan rungutan mengenai kekurangan peluang untuk kenaikan pangkat. Bagi pihak Kementerian patutlah pihaknya mengambil berat mengenai perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi saya nampak dengan bilangan ahli dan pegawai Bomba sekarang ini, hanya ada 11 pegawai wanita dan 10 ahli Bomba wanita sahaja. Jadi, satu keadaan yang sangat aneh. Adakah memang wanita ini tidak berupaya menjadi pegawai dan ahli Bomba di negara ini? Saya diberitahu bahawa di Jepun, memang kebanyakan pegawai dan ahli Bomba wanita itu yang memainkan peranan yang sangat positif, sangat penting kerana kononnya mereka lebih mengetahui struktur dan architecture dalam rekabentuk di dalam rumah-rumah dan saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil perhatian uniuik menambahkan bilangan ahli dan pegawai Bomba wanita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi iaitu mengenai keperluan untuk menambahkan ahli Bomba dan ada pada bulan Jun tahun lepas satu kenyataan

yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung, Dato' Haji Baharuddin Mat Isa yang mengatakan bahawa 510 jawatan baru akan diadakan untuk Perkhidmatan Bomba. Apakah yang terjadi dengan kenyataan tersebut? Adakah pihak Kementerian sudah meluluskan permintaan daripada Perkhidmatan Bomba untuk menambahkan jawatan yang baru ini dan kalau ada setakat manakah berjaya diadakan di dalam Perkhidmatan ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keperluan untuk mengadakan lebih orang-orang profesional di dalam Perkhidmatan Bomba, saya nampak setakat ini tidak banyak yang benar-benar berkelayakan profesion untuk menyertai Perkhidmatan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, ada negara-negara seperti Jepun, India dan New Zealand, mereka memang ada Institute of Fire Engineers dan juga di Britain dan untuk meningkatkan efficiency dan keberkesanan Perkhidmatan Bomba, memang kita perlu mengadakan pengurus-pengurus yang lebih profesional dan pentadbir-pentadbir yang lebih layak kelayakannya untuk menyertai Perkhidmatan Bomba. Apakah ini telah diadakan oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ada satu perkara di mana Kerajaan Pusat telah dijangka akan menyelesaikan pengambilan alih Perkhidmatan Bomba Negeri di seluruh negara dan yang dikatakan bahawa pengambilan ini akan diselesaikan selewai-lewatnya penghujung tahun lepas. Adakah pengambilan alih ini telah diselesaikan buat masa sekarang sebelum kita adakan Kumpulanwang Amanah L rsebut kerana ini satu perkara yang penting. Ada setengah-setengah tempat di mana Perkhidmatan Bomba masih di-kendalikan oleh pihak negeri dan apakah akan terjadi dengan perkhidmatan di Sabah, di Perlis dan juga di Melaka

mengenai pengambilan Perkhidmatan Bomba ini untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

Sukalah saya menekankan di sini bahawa adalah perlu, bukan sahaja bagi Kementerian ini, juga bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengambil perhatian mengenai sungutan dan rungutan orang ramai bahawa semasa ada kemalangan atau kebakaran, ada seiangah-selengah ahli Bomba yang terlibat dengan penyelewengan tetapi ini susahlah untuk mengesan, mendapatkan bukti yang cukup. Walau bagaimanapun, perlulah bagi Kerajaan untuk mengambil perhatian dan juga menyiasat dengan teliti, sama ada penyelewengan-penyelewengan seperti ini berlaku di dalam Perkhidmatan Bomba ini.

Dengan ini, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Pasir Mas.

*3.51 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja. Pertama, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai dengan cadangan untuk menubuhkan Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Sememangnya langkah ini dialu-alukan dan sememangnya sudah lama patut diwujudkan Jadual Kedua Akia itu bagi maksud dan tujuan yang telah diterangkan ini kerana selama ini kebajikan di kalangan anggota-anggota Bomba tidak diberi perhatian yang sewajarnya kalau dibandingkan dengan perkhidmatan beruniform yang lain-lain, kerana pasukan ataupun kakitangan Bomba yang berkhidmat juga bertarung dengan nyawa.

Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan setakat rekod yang ada selama ini

berapakah jumlah kakitangan Bomba yang telah ditimpa kemalangan sepanjang menjalankan tugas dan khidmat mereka, sekurang-kurangnya dua tahun kebelakangan ini. Apakah kebajikan yang telah dihulurkan kepada keluarga yang malang ini kerana pertarungan dengan api juga samalah pertarungan dengan komunis ataupun serupalah seperti Tentera ataupun Polis menjaga keselamatan negara. Oleh kerana sekarang ini kita dapati scring berlaku kebakaran, sepanjang masa kita dengar berlaku kebakaran di sana-sini dan kita tidak mempunyai kakitangan Bomba yang cukup terlatih, apakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa kurangnya minat orang ramai berkhidmat dengan Bomba ini iaitu kerana bukan sahaja dari segi gaji ataupun dari segi kebajikannya kurang diberi perhatian, manakala dalam tugas ini mereka juga terpaksa menggadaikan nyawa. Jadi sewajarnya dan memang tepat sekali pihak Kerajaan mewujudkan Kumpulanwang Amanah ini bagi kebajikan Bomba. Saya hendak tahu apakah bentukjenis kebajikan yang akan dihulurkan nanti.

Saya ingin mencadangkan supaya dapat dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan iaitu mana-mana kakitangan Bomba yang terbunuh di waktu menjalankan tugas, mereka juga harus diberi pampasan ataupun saguhati sepertimana yang diterima oleh Pasukan Tentera kita ataupun Polis kita yang pernah menempuh kemalangan yang terpaksa menggadaikan nyawa dan meninggalkan keluarga dan anak-pinaknya. Sekarang ini ada hadiah \$10,000 dan sebagainya yang diberi oleh Tentera atau Polis, saya tak pasti berapa jumlahnya, tetapi Bomba juga harus diberi pertimbangan yang sewajarnya bagi mereka yang menerimakemalangan seumpama ini. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, dari segi kebajikan. Kebajikan di kalangan anak-anak ataupun keluarga Pasukan Bomba ini sebab mereka bekerja juga 24 jam.

Bila bunyi siren sahaja mereka mesti bertindak. Bererti mereka terpaksa duduk dalam keadaan 'alert' sepanjang masa, berbeza dengan tugas-tugas lain, malah kalau tengok dalam suasana sekarang ini kalau dibandingkan dengan Pasukan Tentera, mungkin Bomba sekarang ini dalam keadaan yang lebih cemas sebab mereka akan dipanggil bila-bila masa sahaja apabila panggilan siren berbunyi berlaku kcbakaran. Jadi, mereka kadang-kadang tak boleh tidur, hendak bercuti pun tak boleh. Kalau bcriindak lambat, maka akan berlaku lagi banyak kebakaran.

Jadi, kita dapat bayangkan betapa pentingnya di kalangan ahli-ahli yang berkhidmat dengan Bomba ini. Jadi, sudah tentulah kebajikan mereka seharusnya dibayar, diberi perhatian setimpal dengan tugas yang mereka curahkan kepada negara. Kalau tidak, bererti kita tidak adil. Berbeza dengan tugas-tugas lain saya katakan tadi, tugas-tugas lain ini sempat juga minum teh di kedai warong, sempat juga main terup, sempat juga bercuti makan angin, tetapi Bomba tak boleh. Kalau dia cuai, maknanya dia menyelcweng, sebab bila ada sahaja panggilan, on the dot mereka mesti hadir. Tetapi mungkin moral di kalangan kakitangan Bomba sekarang ini kurang kalau ada dakwaan demikian. Mungkin saya percaya kerana kebajikan mereka ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya seperti dengan anggota-anggoia beruniform yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit pandangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Padang Terap.

3.55 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan kerana mengambil langkah untuk memindakan Akta

Prosedur Kewangan 1987 (Pindaan) 1972 ini dengan menambah Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Sayahendak bercakap ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin lahu adakah usaha ini merangkumi ahli-ahli Bomba sukarela. Jikalau dilihat daripada ayat di sini, Kumpulanwang Amanah Jabatan Perkhidmatan Bomba dan kalau tidak merangkumi kumpulan ahli-ahli Bomba sukarela ini, adakah pihak Kementerian akan memasukkan mereka ke dalam kumpulan yang mendapat manfaat daripada Kumpulanwang Amanah ini. Kalau tak boleh juga, saya ingin tahu apakah langkah-langkah pihak Kerajaan untuk menjaga kebajikan anggota-anggota sukarela ini kerana anggota-anggota sukarela ini perlu diberi pembelaan yang sama, walaupun tidak lebih, kerana mereka bekerja dengan sukarela tanpa gaji, tanpa pencen dan tanpa kemudahan-kemudahan lain yang didapati oleh anggota-anggota biasa. Tetapi apabila berlawanan dengan api, risikonya sama dan sepatutnyalah mereka ini diambilkira untuk pembelaan yang sama. Saya bercakap begini kerana banyak saya lihat anggota-anggota Bomba sukarela yang cedera, yang mati pun ada, walhal pembelaannya tidak ada. Mereka ini menabur bakti tanpa pembelaan yang cukup.

Saya harap pihak Kementerian dapat menimbang perkara ini supaya manfaat diberi kepada mereka sama dengan yang didapati oleh anggota-anggota biasa. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar.

3.58 *ptg.*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak ingin hendak bercakap panjang lebar, tetapi oleh kerana tujuan ini lebih begitu baik sekali, jadi saya

berdiri di sini untuk menyokong cadangan yang telah dibuat oleh Kementerian untuk menubuhkan Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Tabung ini adalah telah tiba masanya untuk ditubuhkan memandangkan Perkhidmatan Bomba yang kita adapada masa sekarang ini. Di beberapa tahun yang kebelakangan ini juga kita mendapat perhatian iaitu Jabatan Polis dan Askar (Pertahanan) mendapat tempat yang diutamakan di muka depan, tetapi oleh kerana memandangkan keadaan sekarang ini telah berubah sedikit nampaknya saya terpaksa bersetuju dengan kata-kata Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, Perkhidmatan Bomba ini telah menjadi satu perkhidmatan yang membawa banyak risiko dibandingkan daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Jadi, labung yang sebegini untuk membelakan kebajikan dan kebaikan untuk ahli-ahli Bomba itu adalah wajar dan patut diadakan. Tetapi apa yang menjadi tandatanya ialah bagaimanakah pampasan atau pemberian akan diagih ataupun diberi kepada ahli-ahli Bomba itu nanti. Adakah penyelarasan telah dibuat untuk mengadakan satu Jabatan Bomba, tidak sebagaimana yang telah kita ketahui ada di peringkat Negeri dan ada juga di peringkat Pusat? Kalau peruntukan ini diadakan di peringkat Pusat sahaja dan tidak diberi keseluruhannya untuk Bomba di peringkat Negeri ataupun Bomba sukarela, ini juga akan mendatangkan satu ketidakpuasan hati di antara yang terlibat nanti. Mungkin ini akan menghilangkan perkhidmatan sebagai perkhidmatan sukarela Bomba itu sendiri. Dengan itu terpaksa saya juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Padang Terap tadi yang mengatakan pampasan yang bakal diberi kepada ahli bomba biasa sepatutnya dibicarakan juga kepada ahli bomba sukarelawan yang juga mendapat risiko yang sama.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempe-  
ngerusikan Mesyuarat*)

Dengan itu peruntukan-peruntukan untuk mengagih-agihkan pampasan atau pemberian daripada Tabung Amanah ini nanti patutlah dikaji dengan begitu teliti supaya tidak ada yang tinggal dan tidak berpuas hati dengan apa yang kita cadangkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Bomba juga sebagai pihak Polis dan Askar, kebajikan mereka perlulah diberi perhalian dan diberi kajian dengan lelit. Kalau kita pergi ke daerah-daerah kecil, saya tidak bolehlah bercakap kalau daerah di Scmenanjung ini tetapi kalau kita pergi ke daerah-daerah di Sarawak, kita ternampak banyak lagi yang berkurangan -berkurangan daripada segi perumahan, berkurangan daripada segi kemudahan, berkurangan daripada segi kereta-kereta dan berkurangan dari apa segi sekalipun.

Di samping kita mengadakan Tabung ini, kita sepatutnya melihat dan mengkaji Jabatan Bomba itu sendiri sama ada kita sudah mencukupi ataupun tidak untuk menghadapi risiko-risiko yang bakal dihadapi oleh Jabatan ini daripada segi menyelamatkan nyawadan harta-benda awam. Syarat-syarat perkhidmatan Bomba juga perlu dikaji dan gaji-gaji mereka perlu diselaraskan dengan gaji-gaji perkhidmatan awam yang lain yang beruniform, umpamanya pihak Polis dan pihak Tentera kerana gaji Polis dan Tentera mungkin dipandang oleh kerana risiko-risiko perkhidmatan mereka. Tetapi pada masa sekarang risiko Bomba juga telah kita pandang kebelakangan ini dan kita ternampak banyak ahli Bomba itu mendapat luka dan mati semasa menjalankan tugas. Ini perlulah dikaji dengan teliti dan pemberian pampasan untuk kematian dan luka perlulah juga diberi di luar daripada Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba ini.

Saya juga ingin mcnggesa pihak Kementerian supaya Tabung ini jangantah dihadkan untuk satu kumpulan persatuan sahaja ataupun satu kumpulan pihak Bomba sahaja tetapi menyeluruh, apa sahaja yang dikatakan perkhidmatan Bomba di seluruh negara ini. Sebagaimana yang kita tahu pihak Bomba menjalankan tugas tidak kira hujan, panas dan masa. Mereka juga sebagai pihak Polis dan Askar tidak ada masa bekerja tertentu dan mungkin juga tidak diberi g.iji atau pampasan oleh kerana kerja yang lebih. Daripada segi itu, gaji mereka perlulah dikaji semula kalau gaji ini um lagi mencukupi.

Satu lagi ialah dari segi latihan, kalau dipandang drri segi bandar Kuala Lumpur, kita nampak bangunan yang tinggi mencakar awan, tidak payah mencakar langit, tinggi sangat, mencakar awan pun sudah cukup, yang memberi satu risiko yang begitu tinggi kepada pihak Bomba dan adakah ahli-ahli Bomba Kiia diberi latihan yang mencukupi,eq ipmentyang mencukupi ataupun apa-ap, sahaja benda yang patut diberi untuk menolong pihak bomba untuk menyela natkan harta dan nyawa kalau berlaku satu-satu kebakaran atau satu-satu bencana. Sebagaimana yang kita tahu pihak Bomba bukan sahaja untuk mcmadam api, tetapi jugaapa-apa bencana sekalipun terlibat, pihak Bomba biasanya dipanggil.

Kalau kita berada di Sarawak, walaupun ular ataupun lebah masuk ke rumah, Bomba juga orang panggil untuk mengeluarkan ular ataupun lebah daripada rumah mereka. Adakah kita bercadang untuk mengadakan perkhidmatan doktor ataupun pegawai perubatan dalam Jabatan Bomba itu sendiri untuk memudahkan mereka menjalankan tugas harian mereka? Adakah kita mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi disiplin mereka sebagai memperbaiki lagi perkhidmatan mereka kepada masyarakat? Apakah tindakan-tindakan Kerajaan untuk meninggikan perkhidmatan Bomba

seterusnya supaya kita boleh memberi pertimbangan dari masa ke semasa untuk memberi ganjaran yang lebih bagi pihak Bomba itu sendiri?

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penubuhan Kumpulan Amanah Jabatan Perkhidmatan Bomba. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bayan Baru.

*4.06ptg.*

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan untuk menubuh atau mewujudkan Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah satu usaha yang baik, tetapi saya tidak tahu sama ada perkara ini dikaji dengan cara sedalam-dalamnya. Dengan tindakan Kerajaan untuk memperuntukkan \$500,000 sebagai bayaran kepada Kumpulanwang ini, saya bimbang kalau-kalau lain-lain perkhidmatan yang juga mempunyai risiko yang seumpama anggota Bomba juga akan menuntut supaya Kumpulanwang Amanah yang sama ditubuhkan untuk kepentingan kebajikan anggota-anggota di dalam berbagai-bagai jabatan dan agensi Kerajaan.

Saya juga tidak tahu sebelum cadangan Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba ini diketengahkan dan dibawa ke Parlimen sama ada pihak Kerajaan juga mengkaji tentang mewujudkan skim personal insurance kepada sciiap anggota Bomba yang mana saya rasa faedahnya adalah lebih jika dibandingkan kalau kita hendak mengeluarkan wang ataupun sumbangan daripada Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Lebih-lebih lagi skim personal insurance tidak akan melibatkan kewangan yang tinggi jika pun dibayar oleh Kerajaan kepada setiap anggota perkhidmatan Bomba sama ada daripada

pegawai tinggi mahupun kepada anggota biasa. Paedah yang akan diperolehi daripada skim personal insurance ini adalah lebih menarik dan lebih memberikan faedah kepada anggota perkhidmatan Bomba termasuk keluarga-keluarga mereka jika mereka terlibat dalam apa-apa jua kemalangan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cadangan untuk menubuhkan Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba ini yang dianggap sebagai tujuan untuk memperbaiki perkhidmatan Bomba, saya rasa pihak Kementerian perlu melihat lain-lain aspek yang boleh membanui ke arah meningkaikan lagi perkhidmatan dan kebajikan anggota perkhidmatan Bomba. Saya lihat pada hari ini kedudukan perkhidmatan Bomba kalau kita lihat pada keseluruhannya ia adalah tidak scimbang dengan permintaan dan kpcprluan orang ramai. Kita lihat di sana sini rumah-rumah tumbuh macam cendawan tetapi perkhidmatan Bomba jika sekiranya ada kemajuan, tahap kemajuannya amat perlahan dan perkhidmatannya kalau kita Hhat tidaklah seimbang dengan perkembangan dan permintaan yang ada pada hari ini. Ini satu perkara yang perlu lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana bandaraya-bandaraya, khususnya Bandaraya Kuala Lumpur yang banyak mempunyai pencakar-pencakar langit, memerlukan satu perkhidmatan dan kepakaran yang lebih baik daripada keadaan yang ada sekarang.

Disebabkan perkhidmatan Bomba mempunyai berbagai kekurangan, kelemahan termasuk cara melawan kebakaran dan kelengkapan yang ada pada hari ini, kita lihat ini adalah satu kecuaiian yang membawa kepada kejadian-kejadian yang tidak diinginkan kepada anggota perkhidmatan Bomba, bukan disebabkan mereka ini tidak boleh bekerja dengan cekap tetapi dengan

keadaan perkhidmatan dan kelengkapan yang tidak memuaskan yang ada pada hari ini. Ini perlu dilihat dan perlu diperbaiki.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disarankan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di awal tadi ialah tentang taraf perkhidmatan ataupun skim perkhidmatan anggota perkhidmatan Bomba itu sendiri. Selagi mereka ini tidak diletakkan kepada skim perkhidmatan yang sesuai, saya rasa selama itulah apa jua kebajikan yang kita cakapkan, masalah dalam perkhidmatan Bomba akan tetap tidak berubah dan akan sentiasa dalam keadaan yang serupa.

Lagi satu saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang tidak ditcrangkan tadi iaitu di dalam penubuhan Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba ini, apakah cara Kumpulanwang ini dikendalikan. Adakah ia berbentuk diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa atau Trustee untuk mengendalikan Kumpulanwang ini supaya ia dapat memainkan peranan secara yang lebih adil. Dan jika bersetuju saya ingin mencadangkan supaya Kumpulanwang Amanah Kebajikan Perkhidmatan Bomba ini perlu dianggotai oleh semua peringkat pegawai dan anggota di dalam Perkhidmatan Bomba. Bukan semata-mata di peringkat Kementerian yang mana pandangan atau cadangan yang akan dikemukakan dalam sebarang mesyuarat atau keputusan dibuat, mungkin dibuat secara berat sebelah. Jadi kita berharap pihak-pihak bawahan terutamanya Kesatuan Sekerja yang mewakili anggota-anggota dalam Perkhidmatan Bomba diberi peluang untuk menduduki di dalam jawatankuasa, jika jawatankuasa itu ditubuhkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Shah Alam.

4.12ptg.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap (Shah Alam):** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas perhatian pihak Kerajaan yang sentiasa menitik-berat hal-hal kebajikan rakyat. Dan juga tidak dapat dinafikan bahawa tugas Pegawai Bomba menghadapi risiko yang tinggi semasa menjalankan tugas. Setiap kali berlaku kecemasan, kebakaran maka kepada pegawai-pegawai yang bertugas berhadapan dengan pertarungan nyawa.

Terdapat juga banyak insiden Pegawai-pegawai Bomba menemui ajal setelah dapat menyelamatkan mangsa terlibat. Oleh yang demikian Tabung Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba ini mcmanglah baik diwujudkan dan sepatutnya telahpun terwujud lebih awal lagi. Apa yang diharapkan agar tabung ini dapat memberi jaminan kehidupan dalam erti-kata sebenarnya kepada balu-baluan dan anak-anak pegawai-pegawai atau bekas pegawai-pegawai Bomba ini. Juga, melalui tabung ini dapat pengagihan ataupun dapat menjalankan peranan, bantuan dengan berkesan agar satu lembaga ataupun jawatankuasa yang terbentuk dapat mengaturkan tanggungjawab dengan licin.

Saya juga ingin tahu apakah bentuk pinjaman-pinjaman yang akan diberikan melalui tabung Kumpulanwang Amanah Kebajikan ini. Apakah cara bentuk pengagihan pinjaman. Dan juga mengenai memberi hadiah, adakah ianya berdasarkan kecemerlangan tugas ataupun apakah ciri-ciri, kriteria dalam pemberian hadiah ini supaya ianya dapat memberi semangat kepada Pegawai-pegawai Bomba untuk menjalankan tugas dengan lebih efisien.

Diharapkan juga semoga skim Kumpulanwang Amanah Kebajikan ini benar-benar dapat terlaksana dengan licin, semoga dapat mencapai matlamat

yang diharap-harapkan atau dihasratkan oleh Kerajaan.

Menyentuh sedikit mengenai Yang Berhormat dari Kepong menyatakan wanita tidak ada daya-upaya atau tidak berupaya menjadi Pegawai Bomba. Mungkin di negara Malaysia ini banyak pilihan tugas atau kerjaya, maka kekurangan waniia di Jabatan Bomba tidakbererti wanita Udakadadaya-upaya ataupun tidak berupaya untuk menjadi Pegawai Bomba...

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Maksud saya ialah hendak menggalakkan lbih ramai wanita untuk menyertai Perkhidmatan Bomba, bukan hendak menghalangnya. Ada setengah-setengah tempat mereka lebih efisien di dalam memadamkan kebakaran.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Bctul, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada beza wanita negara Malaysia dengan wanita Jepun, sama sahajakeupayaanyangadaantarawanita Malaysia dengan Jepun. Saya biasa belajar di Jepun, saya tahu. Mungkin wanita Malaysia lebih bagus lagi daripada wanita Jepun. Yang Berhormat Kepong ini memang suka usik saya daripada Dewan Undangan Negeri lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila teruskan.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Saya rasa oleh kerana banyak pilihan tugas, termasuklah pilihan tugas dalam arena politik yang diberi peluang oleh Kerajaan terutama Kerajaan Barisan Nasional. Hanya DAP sahaja tidak hendak beri peluang kepada wanita. Tidak pernah ada wakil wanita di dalam DAP. Oleh yang demikian

disuruhnya beramai-ramai jadi Pegawai Bomba. Kalau dapat DAP menggalakkan ramai wanita menjadi Wakil Rakyat DAP, saya rasa tidak ada halanganlah untuk mewujudkan ramai wanita untuk menjadi Pegawai Bomba kerana kita juga setaraf atau sama dengan wanita di negara Jepun. Itulah sahaja, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bandau. Selepas Yang Berhormat berucap, Menteri diminta jawab.

4.17 ptg.

**Tuan George Sangkin (Bandau):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ke atas Kumpulanwang Amanah Kebajikan. Ini adalah merupakan satu insentif yang baik kepada anggota-anggota Bomba. Dan saya percaya denga^ Kumpulanwang Amanah ini akan serba sedikit dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli Bomba di seluruh negara ini kerana kita pasti tahu bahawa mereka ini menjalankan tugas dengan tidak mengira masa dan juga dengan tidak mengira tempat.

Namun di sini perhatian harus juga diberikan kepada perkhidmatan Bomba itu scndiri terutama di seluruh negara. Khasnya saya ingin sebutkan di sini di negeri Sabah yang pada masa ini terlihal masih ditahap yang kurang terutamanya di luar-luar bandar. Yang saya maksudkan di sini ialah di daerah-daerah seperti di daerah Kota Marudu dan juga Pilas yang jauh. Namun daerah-daerah ini semakin membangun.

Di sini saya ingin juga agar Kementerian yang berkenaan dapat mengambil langkah yang positif untuk mempergiatkan perkhidmatan Bomba ini ke seluruh negara khasnya kepada daerah-daerah yang kecil yang memerlukan perkhidmatan Bomba .

kerana seringkali menghadapi masalah kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan haruslah juga membuka lebih ramai atau lebih banyak peluang pekerjaan ataupun peluang jawatan-jawatan dalam perkhidmatan Bomba ini. Kerana kita lihat telah kita dengar masih banyak kekurangan kakilangan atau anggota-anggota yang telah diperkatakan tadi. Saya percaya sekiranya kita dapat aiasi kekurangan-kekurangan ini, perkhidmatan Bomba akan bertambah mutunya.

Selain daripada itu, kita harus juga, bagi menjamin perkhidmatan ini baik, alai-alai yang digunakan serta kepakaran-kepakaran sentiasa diperbaharui ataupun di up-to-date, dengan izin, haruslah diberikan perhatian yang lebih dekat. Dan di sini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap agar Kumpulanwang Amanah Kebajikan ini akan dapat mencapai matlamatnya dengan sepenuhnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.79 *ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan lerima kasih kepada tujuh Ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membahaskan pembeniangan usul untuk mewujudkan satu Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kepong, Pasir Mas, Padang Terap, Batang Lupar, Bayan Baru, Shah Alam dan Bandau; kesemuanya mengalu-alukan kewujudan Kumpulanwang Amanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara pokok yang mana kita bersama-sama mengalu-alukan pengwujudan

Kumpulanwang Amanah ini ialah setiap daripada kita merasakan bahawa kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah satu jabatan yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat sebegitu rupa; ianya membawa kepada kesejahteraan hidup kepada masyarakat kita dan membebaskan keyakinan kepada kita untuk menghadapi suasana bahayajikaberlaku kejadian-kejadian yang memerlukan perkhidmatan daripada kakitangan Perkhidmatan Bomba.

Kita juga merasakan bahawa kakitangan ini menghadapi berbagai risiko yang sehinggakan mereka menggadaikan nyawa dan kesihatan mereka dan kita amat menghargai di atas kesediaan mereka untuk memberikan perkhidmatan dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Di samping itu, pula kita juga mengalu-alukan pengwujudan Kumpulan Wang Amanah ini sebegitu rupa supaya kita sendiri merasakan bahawa tidak ada pihak yang sewajarnya diberi pandangan diabaikan. Jika sekiranya ada penekanan-penekanan untuk pihak-pihak tertentu yang sama menanggung risiko untuk kesejahteraan hidup masyarakat dan mewujudkan keyakinan masyarakat, kemampuan untuk mengatasi apa jua bencana, maka, Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Kumpulan Wang Amanah ini membawa kita kepada satu titik di mana kita merasakan bahawa ini adalah langkah yang wajar di mana kita memberi penekanan yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang patut diberi penekanan yang seimbang di antara mereka.

Jadi, kalau sekiranya sudah dirasakan bahawa perkara ini sudahpun agak terlewat atau tertinggal, maka kali ini kita membawanya kepada kedudukan yang sewajarnya apabila kita bandingkan penekanan yang telah kita berikan kepada pihak-pihak yang lain.

Perkara yang ketiga yang saya ingin tegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah sesungguhnya pindaan yang dibuat bertujuan untuk mengizinkan pihak Kerajaan menyalurkan satu bentuk peruntukan dan untuk kali pertama sebagai satu penghormatan dan pengiktirafan kepada Kumpulan Wang Amanah ini sebanyak \$500,000 disalurkan.

Sebelum daripada ini tidak ada ruang dari segi undang-undang mengizinkan penyaluran peruntukan tersebut. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kumpulan Wang Amanah ini lelahpun sedia wujud dan sumber kewangannya datang daripada sumber-sumber bukan Kerajaan. Oleh yang demikian, maka Kumpulan Wang Amanah ini dengan adanya pindaan yang dibuat kali ini mengizinkan semuapihak, bukan sahaja daripada sumber bukan Kerajaan dan kali ini untuk mengizinkan pihak Kerajaan menyalurkan sumbangannya.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan di sini bahawa jika kita semua menghargai perkhidmatan daripada kakitangan Jabatan Bomba, maka Kumpulan Wang Amanah ini mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak, bukan sahaja daripada sumber Kerajaan tetapi juga daripada sumber-sumber individu dan organisasi-organisasi yang sudi untuk memberi sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah ini. Dan kita harap bahawa sumbangan bukan daripada sumber Kerajaan akan dapat dinikmati oleh Kumpulan Wang Amanah ini. Dan sehingga kini ingin saya maklumkan kepada Dewan ini, jumlah yang sudah terkumpul ialah sebanyak \$167,184.00 daripada sumber-sumber bukan sumber Kerajaan.

Saya ingin menyentuh tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya tidak bercadang untuk merujuk dalam perbahasan ini mengenai kualiti perkhidmatan, syarat-syarat dan terma-

perkhidmatan, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada Jabatan ini dan juga kepada Balai-balai Bomba dan juga dalam bentuk gaji ataupun ganjaran yang diperuniukkan kepada kakitangan Perkhidmatan Bomba. Kerana, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa perbahasan yang berkaitan dengan usul ini yang agak terhad bidang perbahasannya, sekadarkan saya ingin mencadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa untuk disesuaikan usul ini dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba Bil. 10 akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dalam beberapa hari yang akan datang ini dan saya mencadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merujukkan perkara-perkara yang dibangkitkan apabila Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba ini dibentangkan untuk dibahaskan nanti.

Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-hal yang saya sebutkan tadi dan saya rasa adalah lebih wajar untuk dijawab dengan secara terperinci apabila Rang Undang-undang itu dibentangkan nanti.

Walaupun begitu, saya ingin merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai sama ada Kumpulan Wang Amanah ini akan digunakan mengikut apa yang kita harapkan. Di antara perkara-perkara yang akan dibentangkan dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba nanti ianya terkandung mengenai bagaimana Kumpulan Wang Amanah ini akan ditadbirkan. Cadangan sama ada kumpulan sukarela, sama ada personal insurance kakitangan bomba termasuk dalam bidang peruntukan Kumpulan Wang Amanah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa perkara-perkara tersebut masih lagi terbuka untuk cadangan.

Apa yang ada pada hari ini ialah amalan yang telah diwarisi sehinggalah pada hari ini di mana kemudahan-kemudahan yang diberikan melalui Kumpulan Wang Amanah ini agak terhad dari segi bentuk dan rupanya. Dengan wujudnya Kumpulan Wang Amanah ini dengan sumbangan yang datang dari pihak Kerajaan, maka adalah dijangka bahawa Kerajaan akan memperincikan lagi apakah bentuk dan rupanya sama ada dalam bentuk saguhati, hadiah, pampasan, kepada siapa, untuk siapa, berapa banyak, bagaimana hendak ditadbirkan - kesemuanya akan dibincangkan secara terperinci oleh pihak Kerajaan. Seperii yang saya maklumkan dalam pembentangan usul ini bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan diberi tugas untuk mentadbirkan dan mengawal Kumpulan Wang Amanah ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang dapat saya berikan secara menyycluruh tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama mengalu-alukan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan, iaitu Bahawa Dewan ini mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

"Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabaian Perkhidmatan Bomba"

hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

"Kumpulanwang Amanah Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba."

#### AKTA KASTAM 1967

4.32 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurul kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.34) 1989;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.35) 1989;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.36) 1989;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.37) 1989;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.78) 1989;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.39) 1989;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.40) 1989;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1990;

- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1990;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1990;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1990;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1990;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1990;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1990;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1990;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.9)1990;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.10) 1990;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.11) 1990;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.12) 1990;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.13)1990;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.14)1990;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.15) 1990;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kerias-kertas Statut bil. 80,81,82,83,84,85,86,87,88,89, 90,91,92,93,94,95,96,97,98,99,100, dan 101 tahun 1990 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.34) 1989 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas bijiran sarapan daripada \$29.53 setan metrik kepada 30% dan cukai tokok sebanyak 5% dimansuhkan. Langkah ini adalah bertujuan untuk melindungi pengeluaran bijiran sarapan tempatan daripada bijiran sarapan yang diimport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.35) dan (No.40) 1989 serta Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5), (No.9), (No.13), dan (No.14) 1990 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti kastam ke atas beberapa barangan petroleum di seluruh negara berdasarkan kepada kajian harga barangan petroleum yang dibuat pada setiap bulan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.36) 1989 adalah bertujuan untuk mewujudkan nombor-nombor sub kepala bagi bahan-bahan kimia chloroflouro-carbons dan perse-diannya.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.37) 1989 adalah bertujuan untuk menambah \*tariff lines\* kepada Perintah Duti Kastam 1988 dengan mengadakan kod tarif yang khusus bagi jenis barang-barang yang masih belum mempunyai kod tarif tersendiri.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.38) 1989 pula adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas orange juice (frozen), dengan izin, dari 30% kepada 15% bagi menggalakkan persaingan di antara barangan keluaran tempatan dengan import dan menghapuskan duti import di antara 5% hingga 30% ke atas peralatan bowling dan bola tenis yang bertujuan untuk menggalakkan sukan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.39) 1989 adalah bertujuan untuk menghapuskan kadar duti ke atas "unwrought aluminium alloys and not alloyed", dengan izin. Langkah ini diambil bagi menggalakkan peng-eksportan "unwrought aluminium alloys ingots, block and granules", dengan izin, yang dikeluarkan di negara ini dan menyelaraskan struktur duti ke atas "unwrought aluminium not alloyed" yang dikeluarkan dalam negara.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1990 adalah bertujuan untuk mewujudkan klasifikasi tarif yang berasingan bagi

"forklift/industrial tyres" dan buffed tyres, dengan izin, dan dikenakan duti yang seragam dengan tayar trak, bas dan lori, iaitu sebanyak 50%. Duti import ke atas tiub tractor, "implement" dan "earthmover" dinaikkan daripada 5% kepada 50%, iaitu diseragamkan dengan kadar duti tiub bas dan lori.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1990 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu kod larif khas bagi limau nipis dan menghapuskan 5% duli eksport ke atasnya bagi menyamakan kedudukannya dengan beberapa jenis buah-buahan dan sayur-sayuran lain yang mana tidak dikenakan duti eksport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1990 adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar duti impori ke atas "sardines in air-tight containers", dengan izin, dan "horse mackerals in air-tight containers", dengan izin, daripada 25% kepada 10%. Langkah menurunkan duti ini adalah selaras dengan strategi Belanjawan 1990 bagi mengurangkan tekanan inflasi terhadapnya ke atas barang-barang makanan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1990 adalah bertujuan untuk membuat pembetulan kedudukan cukai ke atas penyediaan bahan kimia chlorofluorocarbon daripada 8% kepada 2%.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1990 pula bertujuan membetulkan kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam Perintah Duti Kastam (1988) yang telah berbangkit semasa nomenklaturcs sistem berharmonis disediakan oleh Majlis Kerjasama Kastam.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1990 adalah bertujuan untuk menghapuskan 30% duti import ke atas video camera (tidak termasuk video camera yang digunakan dalam pengeluaran filem komersial dan iklan) bagi tujuan menggalakkan industri pelancongan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1990 adalah bertujuan untuk menyatukan cukai tokok dengan duti import. Dengan ini, cukai tokok tidak akan dikenakan lagi atas barang-barang yang tertakluk kepadanya.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 1990 adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar duti import ke atas "compact disc" daripada 40% kepada 20%.

Pengurangan duti import ini diharap dapat meningkatkan jualan "compact disc" serta menggalakkan album-album tempatan diterbitkan dalam bentuk "compact disc" selaras dengan perkembangan teknologi baru.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1990 pula adalah perintah untuk mengurangkan kadar duti import ke atas "pig iron" daripada 5% kepada 2%. Kadar baru ini adalah selaras dengan duti import ke atas kebanyakan sisa logam selain daripada besi/keluli yang merupakan bahan mentah dalam proses mengeluarkan keluaran-keluaran "billets dan casting."

Di samping itu pengurangan duti import ke atas "pig iron" ini dapat membantu industri-industri foundry mengurangkan kos pengeluaran mereka.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1990 pula adalah bertujuan untuk mengecualikan syiling-syiling emas daripada duti import bagi menyamakan kedudukannya dengan beberapa emas bullion yang telahpun dikecualikan daripada duti tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1990 adalah bertujuan untuk mengurangkan duti eksport ke atas minyak kelapa sawit bagi tujuan untuk menggalakkan pengeksportan barangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.42 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada Perintah Duti Kastam (Amendment) (No. 11) 1990 mengenai penurunan duti import kepada "pig iron" dari 5% kepada 2%. Ini memang untuk menggalakkan pengeluaran besi dan juga keluli terutamanya bagi industri-industri termasuk pembinaan dan foundari, memang satu langkah yang diperlukan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian hendaklah mengambil perhatian bahawa harga-harga ke atas barang-barang keluli dan besi ini memang adalah tinggi dan ada unsur-unsur dan gejala-gejala bahawa harga ini akan ditambahkan.

Sukalah saya menekankan di sini tidak patutlah duti import dikurangkan sementara itu harga produk pengeluaran itu ditingkatkan, apakah logiknya, ini tidak munasabah. Tambahan pula, pada tempoh hari ada kekurangan ke atas keluaran iron rods, besi-besi untuk pembinaan. Apakah sebabnya, kita hendak turunkan duti tetapi keluaran untuk besi-besi seperti ini ada kurang, apakah sebabnya. Ini satu perkara yang hendaklah disiasat oleh pihak Kementerian kerana kita tidak mahulah kurangkan duti dan juga barang-barang di mana yang kita hendak galakkan harga yang berpatutan mewujudkan satu keadaan yang kurang bahannya dan juga harga yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membincang dengan lebih panjang lebar mengenai Customs Duties (Amendment) (No. 36) 1990 mengenai CPCnya

(chlorofluorocarbons) dan juga Customs Duties (Amendment) (No. 4) 1990 dan juga Kertas Statut 82.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya mengenai CFC ini kerana ada satu perkara yang sangat rumit, saya nampak di sini ada Kertas Statut 82 dengan memasukkan di tempat yang sesuai di bawah ruang masing-masing selepas sahaja nombor subkepala 200 bagi subkepala 3814.00 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan yang berikut.

Tuan Yang di-Pertua, yang disebutkan di sini, organic composite solvents containing CPC-11, CPC-12, CFC-113, CFC-114 and/or CFC-115 dan juga dengan memasukkan di tempat yang sesuai di bawah ruang masing-masing selepas sahaja nombor subkepala 400 bagi subkepala 3823.90 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan yang berikut, juga products and preparations containing CPC-11, CFC-12, CFC-113, CFC-114, CFC-115 dan Halon 1211, Halon 1301 and/or Halon 2402.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini kerana adalah penting kerana di dalam Kertas Statut ini tidak disebutkan sama ada usaha-usaha ini untuk mengadakan duti import 44 sen kepada organic composite solvents yang iclah saya sebutkan tadi dan juga duti import kepada products and preparations yang telahpun saya sebutkan tadi 2%. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sama ada CFC ini bukan perubahan ataupun CFC untuk perubahan. Kerana yang penting sekali memandangkan kesan ke atas alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak masalah mengenai alam sekitar yang kena mengena dengan CFC kerana ini disebutkan sebagai inert gas yang tidak dapat dihancurkan, tidak berubah, tidak dapat dibinasakan kerana itu dia sangat popular di dalam industri dengan spray

cans dan juga 'aerosols' dan banyak lagi bahan-bahan yang menggunakan CFC ini dan saya diberitahu bahawa pihak Kerajaan telahpun menubuhkan satu Jawaiankuasa Negara untuk CFC dan juga ada mewujudkan satu kumpulan kerja ataupun enam kumpulan kerja sejak Mac tahun lepas untuk mengadakan garis-garis panduan untuk mengurangkan, menggantikan atau mengharamkan CFCs dan Halon sama sekali di dalam negara ini. CFC ini digunakan untuk solvents, untuk penyaman udara secara komersial ataupun bergerak dan juga untuk peti-peti sejuk, foam products dan juga 'aerosols' dan spray cans.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya sebutkan di sini bahawa walaupun tanggungjawab yang terbesar untuk mengeluarkan CFC ini ialah daripada negara-negara industri terutamanya Amerika Syarikat sendiri yang paling banyak mengeluarkan CFC ini dan saya menganggapkan negara-negara seperti Amerika Syarikat yang mengeluarkan CFC yang terbanyak di dalam dunia ini sejak beberapa dekad dahulu lagi dan pihak Malaysia tidak bertanggungjawab walaupun kita mengimport banyak juga untuk tujuan-tujuan industri dan tujuan penggunaan harian tetapi walau bagaimanapun, kita bukan negara yang penting di dalam masalah CFC ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memanjang-lebarkan masalah perbincangan ke atas CFC ini dan langkah Duti dan Eksais yang diambil oleh pihak Kerajaan, kerana CFC ini telah mewujudkan satu keadaan alam sekitar yang buruk, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan sebagai global warming. Salah satu punca yang menyebabkan terjadinya global warming ini ialah CFC kerana CFC ini merupakan satu jirim (substance) yang ringan. Ia boleh naik lebih 30 kilometer ke atas dan dengan yang demikian ia merosakkan ozonelayer yang penting untuk memperlindungan kehidupan di bumi kita. Dengan ozonelayer yang lerjejas, maka masalah akan timbul

termasuk pelbagai cahaya dan pelbagai ultra virus. x-rays, cosmic-rays akan dapat menembusi bumi kita kerana ozonelayer tidak ada lagi ataupun ia tersangat nipis sekarang dan dengan yang demikian negara kita perlu memainkan peranan untuk mengurangkan CFC ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahulah sama ada pihak Kementerian mengenakan cukai-cukai ke atas CFC-CFC dan halon-halon yang telah saya sebutkan tadi. Atas apa rasionalnya dimata'akulan yang digunakan untuk cukai duti tersebut. Mengapa kita pilih CFC dan halon yang disebutkan tadi, bukan CFC yang halonnya lain dan bukan gas yang lain. Itu penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana di Singapura mereka memang sudah mengambil langkah-langkah untuk mengharamkan CFC dan halon yang digunakan untuk industri dan untuk kegunaan biasa dan yang dibenarkan masuk ke Republik Singapura itu hanya bahan-bahan CFC yang ada kena-mengena dengan perubatan dan yang bukan perubatan diharamkan sama sekali.

Sebab itulah saya sebutkan pada awal tadi, sama ada bahan-bahan yang telah kita kenakan duti itu ada kena-mengena dengan perubatan ataupun Uduk dan kalau kita tidak mengharamkan bahan-bahan CFC yang bukan perubatan ini, mengapa kita tidak mengharamkannya walhal Singapura sudah mengharamkan. Perlu ditekankan sekali lagi, bukan kerana kita haramkan atau kita kurangkan CFC itu, ia akan mengubah dengan banyaknya keadaan global warming ini kerana tanggungjawab yang terbesar ialah kepada Amerika Syarikat, bukannya pihak kita. Walau bagaimanapun, kita mesti memainkan peranan. Kalau kita kurangkan import dan kalau tidak ada pasaran, pihak Amerika Syarikat akan mengurangkan pengeluaran CFC itu.

Tuan Yang di-Pertua, sejak ditubuhkan 6 kumpulan kerja untuk mengadakan garis-garis panduan ke atas

mengurangkan, mengganti serta mengharamkan CFC ini, apakah hasil daripada kumpulan kerja ini. Kerana hampir 10 bulan kumpulan kerja ini telah ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan tersebut dan apakah peranan yang dimainkan sekarang oleh pihak Jawatankuasa Negara ke atas CFC? Adakah cadangan duti import ini dibuat oleh pihak Jawatankuasa Negara untuk CFC? Tuan Yang di-Pertua, kerana kita dapat ulasan daripada pihak Kementerian dengan begitu ringkas dan kita tidak tahu dengan teliti apa yang dibuatnya dan Kertas Perintah pun tidak banyak, cuma ada satu atau dua garis panduan sahaja. Jadi, susahlah kita hendak memahami apakah dasar dan garis-garis panduan yang telah diadakan untuk maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya menegaskan sekali lagi bahawa langkah-langkah yang lebih ketat dan lebih berkesan untuk mengurangkan dan untuk menggemai serta mengharamkan bahan-bahan CFC di negara ini perlulah diambil dan dicari penggantinya. Penggantian seperti pihak Syarikat Hewlett Packard, iaitu sebuah industri di Malaysia, sudah menyatakan hasratnya untuk mengurangkan bahan-bahan CFC dan digantikan dengan bahan yang bukan CFC dan juga, Tuan Yang di-Pertua, ada usaha-usaha yang diambil oleh pihak negara-negara industri seperti Jerman yang setakat ini nampaknya ada mengeluarkan bahan-bahan gantian untuk spray can, misalnya, dan yang digunakan sekarang ialah hidrogen untuk menggantikan CFC. Sama ada mereka akan berjaya mengeluarkan spray cans yang akan digunakan untuk negara ini—itu saya pun tidak tahu. Tetapi walau bagaimanapun, perlulah kita mengambil perhatian tentang hasil penemuan di Institut Berkeley, Frankfurt yang menggunakan hidrogen untuk menggantikan CFC bagi spray cans ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Timbalan Menteri diminta menjawab.

4,57ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya ingin merujuk kepada Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di mana di situ tujuannya adalah untuk mengurangkan kadar duti import ke atas pig iron daripada 5% kepada 2%.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pig iron adalah merupakan keluaran peringkat awal di dalam industri besi dan keluli dan melalui proses peleburan bijih-besi dan pig iron ini digunakan sebagai bahan mentah oleh pekilang-pekilang besi waja untuk mengeluarkan billet dan bengkel-bengkel besi bagi mengeluarkan iron-casting.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini diambil untuk tujuan membantu industri-industri foundry tempatan mengurangkan kos pengeluaran mereka dan di samping itu ianya bertujuan menyelaraskan sisa logam selain daripada besi dan keluli yang merupakan bahan mentah di dalam proses pengeluaran billets dan juga casting products.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membawa persoalan jika sekiranya duti import itu diturunkan, apakah matlamatnya dan jika sekiranya harga barangan yang dikeluarkan oleh foundry tadi akhirnya naik. Tujuan diturunkan duti ini adalah untuk mengurangkan kos pengeluaran supaya mengizinkan industri foundry untuk terus bergiat cergas. Adalah benar bahawa apa Yang Berhormat sebutkan tadi, jika sekiranya keldaran daripada foundry tadi dinaikkan harganya, maka besar kemungkinan kos pengeluaran diturunkan, harga barangan yang dikeluarkan naik pula, maka, margin untung, dengan izin, akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, jika sekiranya tujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran tadi adalah untuk mengurangkan beban kos keluaran industri foundry dapat dimanfaatkan oleh industri foundry tersebut dan kerana itu pula membebaskan masyarakat pengguna, maka scwajarnya perkara ini tidak diizinkan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan pihak Kementerian akan mengkaji kemungkinan sama ada profit margin, dengan izin, bertambah kesudahan daripada turunya duti import terhadap pig iron ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Pehtah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36), (No. 37) dan juga (No. 4) yang berkaitan dengan barangan-barangan yang ada kaitannya dengan CFC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa bahan-bahan kimia chlorofluorocarbons serta perse-diannya dikawal dalam perdagangan antarabangsa bahkan dalam perdagangan dalam negara berikutan dengan ViennaConvention untuk tujuan memelihara, dengan izin, ozone layer dan juga berdasarkan kepada Montreal Protocol terhadap, dengan izin, substances that deplete the ozone layer.

Jadi, pihak Kerajaan dikalakan bersetuju menyertai Convention tersebut, maka negara kita agak peka tentang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dan membuat segala langkah-langkah untuk membezakan antara jenis-jenis CFC yang boleh digunakan dan jenis CFC yang membawa kesan, dengan izin, depletion of the ozone layer.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah-perintah Duti Kastam yang dibuatadalah dengan tujuan untuk menghaluskan lagi, dengan izin, tariff lines, klasifikasi tarif terhadap jenis-jenis CFC yang mana mengizinkan pihak Jabatan Kastam untuk membeza-bezakannya sama ada untuk dikenakan tarif dan dengan cara demikian mengizinkannya untuk masuk ke dalam negara kita untuk keperluan industri dan jenis-jenis yang membawa mudarat sewajarnya disekat masuk.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai technical specification yang ada kaitannya dengan fakta-fakta kepakaran mengenai penggunaan CFC ini saya mengalulukan tetapi saya hadkan jawapan saya sekadar apa yang diperuntukkan dalam Perintah-perintah yang berkaitan dengan langkah-langkah pengkastaman jenis CFC yang masuk ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dengan sesungguhnya oleh pihak Kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli, Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu isi kandungannya adalah sepertimana yang telah dibentangkan sebentar tadi, disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.34) 1989;

- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.35) 1989;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.36) 1989;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.37) 1989;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.38) 1989;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.39) 1989;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.40) 1989;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1990;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1990;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1990;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1990;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1990;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1990;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1990;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1990;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1990;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.10) 1990;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.11) 1990;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.12)1990;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.13) 1990;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.14) 1990;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.15) 1990;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bil.80,81,82,83,84,85,86,87,88,89, 90,91,92,93,94,95» 96,97,98,100 dan 101 tahun 1990 disahkan.

#### AKTA EKSAIS 1976

5.03 *ptg.*

#### Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 13) 1989;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.14) 1989;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.15) 1989;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1990;
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1990;
- (vi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 1990;
- (vii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 1990;
- (viii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.5) 1990;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bil.102,103,104,105,106,107,108 dan 109 Tahun 1990 disahkan.'

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 13) dan (No. 15) 1989 serta Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1990, (Pindaan) (No. 3), (No. 4) dan (No. 5) 1990 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti eksais ke atas beberapa barangan petroleum di seluruh negaraberdasarkan kepada kajian harga barangan petroleum yang dibuat pada setiap bulan.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 14) 1989 adalah bertujuan untuk membetulkan duti eksais ke atas peti sejuk, motosikal dan disposable gas lighter supaya selaras dengan cadangan untuk mengurang/menghapuskan duti eksais atas barang-barang ini sebagaimana yang diumumkan di dalam Belanjawan 1990 yang lalu.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1990 adalah bertujuan untuk membatalkan batiran 12.1 dalam Perintah Duti Eksais 1990 iaitu cigarelte lighters of artificial plastic material, dengan izjn, supaya pengusaha-pengusaha barangan tersebut yang telahpun dimansuhkan duti eksaisnya tidak perlu lagi dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu isi kandungannya adalah sepcrimana yang telah dibentangkan sebentar tadi, diselujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetjukari.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-Perintah berikut:

- (i) Perintah Duli Eksais (Pindaan) (No.13) 1989;

- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 14) 1989;

- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 15) 1989;

- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1990;

- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1990;

- (vi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 1990;

- (vii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1990;

- (viii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5) 1990;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bil. 102,103,104,105,106,107,108 dan 109 tahun 1990 disahkan.

## AKTA CUKAI JUALAN 1972

5.07 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iailu menurut kuasa-kuasa yang terlelak padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah-Perintah berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) (No. 5) 1989;

- (ii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) (No. 6) 1989;

- (iii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) 1990;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. 110, 111 dan 112 Tahun 1990 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) (No. 5) 1989 adalah bertujuan untuk

mengecualikan cukai jualan ke atas taucu yang merupakan keluaran sampingan bagi kicap yang mana tidak dikenakan cukai jualan.

Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) (No. 6) 1989 adalah bertujuan untuk mengccualikan cukai jualan atas sate ikan bagi mcnyamakan kedudukannya dcngan pembuatan keropok ikan dan keropok udang.

Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) 1990 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu kod tarif baru bagi limau nipis untuk menyelaraskan kod ini dengan kod yang icrdapai di bawah Perintah Duti Kasiam 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu isi kandungannya adalah sepertimana yang dibcntangkan tadi, disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Dipuluskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang terleiak padanya oleh subseksyen (2) Seksycn 15, Akta CukaiJualan 1972,Perintah-Perintah bcrikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) (No. 5) 1989;

- (ii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) (No .6) 1989;

- (iii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) 1990;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statutbilangan 110, 111 dan 112tahun 1990 disahkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 3)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*5.10ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Periua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akia Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akia Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmalan 1975 dan Akta Eksais 1976 dan untuk mcngadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan buat kali kedua sekarang.

Pindaan ini adalah bagi mcnguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa pembentangan Belanjawan 1991 yang lalu.

Di sini saya mohon memberi pcnjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruiUkuan-peruntukan permulaan sahaja.

Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Di bawah seksyen 3A Akta Cukai Pendapatan 1967, individu-individu dan

kumpulan-kumpulan orang adalah dikenakan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5% bagi pendapatan bercukai melebihi \$300,000, Fasal 4 bertujuan membaialkan seksyen 3A mulai tahun laksanaan 1991.

Pada masa ini isteri-isteri yang memilih untuk ditaksir berasingan berhak mendapat rebate sebanyak \$30 sahaja jika pendapatan yang dikenakan cukai tidak melebihi \$10,000. Pasal 6 bertujuan memotong proviso kepada seksyen 6A (2) (a) supaya isteri-isteri yang kini akan ditaksir secara berasingan atas pendapatan mereka dari segala sumber akan berhak kepada rebate sebanyak \$60 dan bukannya \$30.

Pada masa sekarang sebarang sumbangan wang tunai kepada sesuatu institusi ataupun syarikat penyelidikan tidak diberi apa-apa potongan cukai.

Pasal 8 bertujuan memasukkan seksyen baru 34B sebagai suai lagi insentif bagi penyelidikan dan pembangunan. Peruntukan baru ini membenarkan potongan dua kali ke atas sumbangan wang tunai kepada sesuatu institusi penyelidikan ataupun pembayaran bagi penggunaan perkhidmatan sesuatu institut penyelidikan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Fasal 9 dan Pasal 25 bertujuan meminda seksyen 39 (1) (k) dan perenggan 2 Jadual 3 yang menaikkan elaun modal yang dibenarkan bagi kenderaan molor, selain daripada kenderaan molor bagi pengangkutan perdagangan, dari \$25,000 kepada \$50,000.

Fasal 25, dalam Pasal ini juga bertujuan meminda perenggan 62 berhubung dengan pelupusan aset-aset kepada Kerajaan, sesuatu Kerajaan Negeri atau sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan atas kos nominal di bawah sesuatu skim penswastan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Di bawah peruntukan-periuntukan yang sedia ada harga pelupusan adalah berdasarkan nilai pasaran aset itu yang dengannya pelupus itu mungkin tidak diberi elaun modal yang sepenuhnya atas perbelanjaan modal yang dilakukan. Di bawah cadangan ini, harga pelupusan akan berdasarkan balasan sebenar yang baginya aset itu dilupuskan supaya pelupus itu mendapat faedah sepenuhnya akan elaun modal atas perbelanjaan modal yang dilakukan.

Pasal ini selanjutnya, bertujuan memasukkan pengusahaan telekomunikasi dalam perenggan 63 supaya suatu bangunan yang digunakan bagi maksud-maksud pengusahaan sedemikian layak diberi elaun-elaun bangunan perindusiran.

Pada masa ini seseorang wanita yang bersuami boleh memilih taksiran berasingan berkenaan dengan pendapatan penggajian, pencen dan profesion sahaja. Pendapatannya daripada segala sumber lain adalah diagregatkan kepada jumlah pendapatan suaminya dan ditaksir dengan pendapatan suami.

Fasal 12 membatalkan subseksyen (4), (5) dan (6) kepada seksyen 45 dan menggantikan seksyen 45 (2) bagi membolehkan seseorang perempuan bersuami ditaksir secara berasingan atas pendapatannya daripada segala sumber lain keperluan untuk membuat apa-apa pilihan. Walau bagaimanapun, seksyen 45 (a) membenarkan seseorang perempuan bersuami membuat pilihan untuk mengagregatkan pendapatannya kepada pendapatan suaminya yang berhak mendapat pelepasan isteri dan anak jika wanita itu mendapati ia berfaedah dari segi liabiliti cukai yang lebih rendah jika dibandingkan dengan taksiran berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 13 bertujuan memasukkan suatu percnggan baru (c) kepada seksyen 46 supaya seseorang individu yang menanggung perbelanjaan perubatan untuk ibubapanya boleh menuntut potongan yang tidak melebihi S 1,000 berkenaan dengan perbelanjaan tersebut. Pindaan ini berkuatkuasa dari tahun taksiran 1991.

Fasal 14 (a) dan 15 (b) bcriujuan menaikkan pelepasan cukai isteri dan juga anak masing-masing di bawah seksyen 47 dan 48. Di bawah cadangan ini potongan bagi pelepasan cukai isteri akan dinaikkan daripada \$2,000 kepada \$3,000, manakala potongan bagi pelepasan cukai bagi anak-anak akan dinaikkan dari \$650 dan \$750 bagi anak pertama dan kedua menjadi \$800 setiap orang bagi lima (5) orang anak yang pertama. Pelepasan cukai bagi anak-anak cacat dinaikkan daripada \$400 kepada \$1,000.

Pasal 14 (c) pula berujuan memasukkan satu subseksyen baru (5) kepada seksyen 47 untuk membenarkan pelepasan cukai untuk isteri kepada suami sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada potongan berkenaan dengan caruman-caruman kepada pencen atau kumpulanwang simpanan dan premiun insurans yang dibuat oleh kedua-dua suami dan isteri, sama ada mreka ditaksirkan secara berasingan ataupun tidak, adalah tertakluk kepada jumlah maksimum \$3,500. Dengan pindaan yang dicadangkan kepada proviso kepada seksyen 49(1) dalam Pasal 16, kedua-dua suami dan isteri akan kini berhak secara individu kepada potongan maksimum 53,500 itu.

Pasal 20 (a) bertujuan meminda seksyen 82 (1) (b) untuk menghendaki tiap-tiap orang yang menjalankan sesuatu perniagaan supaya menge-

luarkan resit-resit jika perolehan kasarnya melebihi \$150,000 yang berkaitan jualan barang-barang dan \$100,000 yang berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan. Pada masa sekarang resit-resit hanya dikehendaki jika perolehan kasarnya melebihi \$18,000 berkenaan dengan jualan barang-barang dan \$12,000 berkenaan dengan pelaksanaan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 23 bertujuan meminda seksyen 153 untuk menukarkan laianama "akauntan" kepada "ejen cukai", di bawah seksyen itu, supaya mana-mana orang yang diluluskan di bawah Akta bagi maksud-maksud mewakili klien-kliennya dalam urusan mreka dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mengemukakan dirinya dengan sewajarnya sebagai ejen cukai dan bukan sebagai seorang akauntan.

Fasal 24 (a) bertujuan meminda kadar-kadar cukai bagi individu-individu pemaslutan dalam Bahagian 1 Jadual 1. Kadar-kadar yang sedia ada bagi individu-individu pemastautin adalah dalam lingkungan daripada 5 hingga 40 peratus. Kadar-kadar bersesngat sebagaimana yang dicadangkan adalah dalam lingkungan daripada 4 hingga 35 peratus.

Fasal 26 bertujuan memasukkan Jadual baru 4B sebagai insentif bagi syarikat-syarikat pemastautin untuk mengusahakan pclaburan di luar negeri yang diluluskan. Jadual baru 4B yang dicadangkan membolehkan syarikat-syarikat pemastautin melayakkan diri untuk mendapatkan potongan berkenaan dengan apa-apa perbelanjaan pra operasi yang dilakukan berkaitan dengan pclaburan di luar negeri. Pelaburan yang diusahakan itu mestilah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan bagi maksud ini.

Fasal 28 (a) bertujuan meminda percnggan 21 Jadual 6 untuk menjadikannya jelas bahawa seseorang individu bukan pemastautin yang

menjalankan sesuatu pekerjaan di Malaysia akan dikecualikan daripada cukai berkenaan dan pendapatan pekerjaannya jika pekerjaan itu dijalankan bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi 60 hari dalam sesuatu tahun kalendar.

Fasal 28 (c) bertujuan meminda perenggan 30 Jadual 6 untuk memaslikan bahawa dalam hal pencen yang dibayar daripada skim pencen atau skim simpanan dan bukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, hanya pencen yang dibayar di bawah sesuatu skim yang diluluskan adalah dikecualikan daripada cukai.

Fasal 29 bertujuan melanjutkan elau pelaburan semula yang diberi di bawah Jadual 7A bagi lima tahun sehingga 31-12-1995 dan memperluaskan skop projek-projek yang layak bagi elau pelaburan semula. Dengan pindaan yang dicadangkan itu elau pelaburan semula akan boleh didapati bagi projek-projek yang diusahakan oleh syarikat-syarikat bagi maksud-maksud pempendan dan pelbagaian ke dalam keluaran-keluaran berkaitan di dalam industri yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.

Pasal 31 bertujuan meminda proviso kepada Seksyen 13 (1) untuk menghapuskan cukai pembangunan atas pendapatan yang diterima oleh penghibur-penghibur awam bukan pemastautin. Pindaan ini berkuatkuasa dari tahun taksiran 1991.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 15 dalam Pasal 32 adalah berbangkit daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 45 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Fasal 12) iaitu mengenai taksiran berasingan ke atas skorcorang perempuan bersuami.

Pasal 33 bertujuan meminda seksyen 16 untuk mengurangkan lagi kadar cukai pembangunan daripada 4 kepada 3 peratus mulai Tahun Taksiran 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Pelroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Pasal 35 bertujuan meminda seksyen 18 yang dengannya potongan maksimum yang dibenarkan berkenaan dengan sewa bagi kenderaan motor selain daripada kenderaan motor bagi pengangkutan perdagangan dinaikkan daripada \$25,000 kepada 550,000.

Pasal 36 bertujuan meminda perenggan 2 Jadual 2 untuk menaikkan amaun perbelanjaan loji yang melayakkan bagi maksud-maksud elau modal berkenaan dengan kenderaan motor selain daripada kenderaan motor bagi pengangkutan perdagangan daripada \$25,000 kepada \$500,000 mulai dari tahun taksiran 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V ialah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Kastam 1967.

Pasal 38, 39 dan 40 bertujuan menyamakan taraf Labuan dengan Langkawi di mana barang-barang tembakau, minuman keras dan mancis adalah tidak tertakluk kepada duti import.

Tuan Yang di-Pertua, Bab ke VI ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972.

Pasal 42 bertujuan meminda seksyen 2 untuk melanjutkan tempoh cukai dari satu bulan kepada dua bulan untuk memperuntukkan masa yang lebih bagi pembayaran apa-apa cukai jualan.

Pindaan-pindaan yang terkandung dalam Pasal 43 dan 44 adalah berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2.

Pasal 45, 46 dan 47 bertujuan menyamakan taraf Labuan sebagai pelabuhan bebas dengan taraf Langkawi di mana barang-barang tembakau, minuman keras dan mancis adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan.

Tuan Yang di-Pertua, di Bab VII ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akia Cukai Perkhidmatan 1975.

Fasal 49 bertujuan meminda seksyen 2 untuk melanjutkan tempoh yang kena dibayar dari satu bulan kepada dua bulan untuk memperuntukkan masa yang lebih bagi pembayaran apa-apa cukai perkhidmatan.

Pindaan yang terkandung di dalam Fasal 50 adalah berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2.

Tuan Yang di-Pertua, di Bab VIII ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Eksais 1976.

Fasal 52 berujuan menyamakan taraf Labuan sebagai pelabuhan bebas dengan taraf Langkawi di mana barang-barang tembakau, minuman keras dan mancis adalah tidak tertakluk kepada duti eksais.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kewangan (No. 3) 1990 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Pasir Mas.

5.27 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Rang Undang-undang Kewangan (No. 3) 1990 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan Rang Undang-undang ini adalah semata-mata untuk mengesahkan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini.

Pindaan-pindaan ini telah dibuat bagi membolehkan pihak Kerajaan memotong, meminda cukai-cukai yang

iclah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya ingin merujuk kepada bccrapa perkara dalam Rang Undang-undang ini. Pertama, Pasal 8 iaitu bertujuan untuk memasukkan satu seksyen baru 34B sebagai suatu lagi insentif penyelidikan dan pembangunan. Ini adalah satu langkah yang bijak bagi mengembangkan apa yang dikatakan R&D (Research and Development) di mana pihak Kerajaan membenarkan potongan dua kali, tetapi ianya mesti mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan.

Perkara penting yang saya ingin menarik perhatian di sini ialah supaya kemudahan ini tidak disalahgunakan. Kebimbangan kita ialah mereka yang telah mendapat kelulusan, yang telah memberi persetujuan ataupun committed untuk menjalankan atau memberi sumbangan penyelidikan dan pembangunan tidak lebih daripada untuk mendapat insentif ataupun untuk mclarikan diri daripada cukai tetapi tidak memanfaatkan kemudahan ini dengan sesungguhnya bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan sebagaimana yang diharapkan, sebagaimana yang dicadangkan ini. Maka oleh itu, pihak Kementerian Kewangan hendaklah berhati-hati sebelum sebarang kelulusan yang akan diberi kerana ini akan memberi banyak faedah kepada rakyat dan negara jika ianya dipergunakan sesungguhnya bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan kerana dalam negara kita ini sumber penyelidikan dan pembangunan amat kurang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya ialah saya hendak sentuh Pasal 23 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 153 bagi menukarkan tatanama 'akauntan' kepada "ejen cukai". Sckarang ini mereka yang berurusan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri menamakan diri mereka sebagai akauntan dan hari ini hendak dipinda sebagai ejen cukai. Sama ada akauntan

ataupun nama yang digelar sebagai ejen cukai tidak menjadi pokok persoalan. Tetapi yang pentingnya ialah mereka yang dilantik menguruskan hal-ehwal cukai ataupun menjadi ejen cukai kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri yang akan tertakluk di bawah Akta.

Yang pentingnya di sini ialah saya ingin beritanya pihak Kementerian dari segi kriicrianya periantikan ejen-ejen cukai ini. Apakah cjen-cjen cukai ini akan dilantik di kalangan akaunian yang bertauliah ataupun mereka yang mendapat kclulusan aiaupun bcrkursus di bawah institusi yang lelahpun ditetapkan oleh pihak Kementerian ataupun kumpulan-kumpulan siswazah menganggur yang saya difahamkan baru-baru ini telah diambil oleh pihak Kementerian Kewangan khususnya Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk melatih mereka ini menjadi ejen cukai. Atau dari golongan manakah atau apakah mereka dilaniik di kalangan akauntan-akauntan yang sedia ada, hanya sekadar menukarkan nama mereka sebagai ejen cukai. Tetapi yang penting, Tuan Yang di-Pertua, ejen-ejen cukai yang dilantik ini nanti supaya diadakan penyelarasan yang rapi dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Sebab selama ini walaupun ada syarikat-syarikat yang kerana masalah perniagaan akibat keadaan ekonomi dalam keadaan-keadaan sesuatu masa maka pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri membuat penaksirannya sendiri, dan boleh merayu kemudian. Tetapi mcngikuti peruniukan undang-undang, mereka tidak boleh terlepas daripada membayar daripada apa yang lelah ditaksirkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Maka sewajarnya bagi meringankan beban yang berlaku ini, baik di kalangan ahli-ahli perniagaan ataupun orang-orang individu dengan pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya laksiran yang dibuat itu dapat diselaraskan, supaya tidak timbul pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri laksir dulu kemudian mereka mengemukakan laporan dari segi kewangannya. Kerana banyak menimbulkan kerumitan dan

juga menimbulkan beban kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri sendiri. Dan ada setengah-setengah didakwa di mahkamah akibat daripada kelambatan atau kelewatan tersebut. Tetapi ianya hendaklah dibuat dengan cara yang profesional."

Saya bersetuju supaya pihak Kerajaan bertindak tegas, memastikan terutamanya syarikat-syarikat atau individu-individu yang mempunyai perolehan yang sepatutnya membayar cukai tetapi lari daripada cukai. Tetapi orang yang sepatut membayar cukai, oleh kerana kedhaifannya dari segi mcngisi borang cukai, pihak Jabatan Hasil Dalam membuat taksiran bagi pihak mereka. Maka mereka diseret ke mahkamah.

Saya harap pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh nampak masalah ini. Di mana syarikat-syarikat besar ataupun mereka yang berurusan, mempunyai contact, mempunyai hubungan yang baik sudah barang tentu ada kelonggaran-kelonggaran. Tetapi ada setengah-setengah pihak menjadi mangsa kepada masalah ini, mungkin masalah administrative, masalah penguatkuasaan.

Tetapi walau macam manapun, ejen cukai ini mestilah benar-benar dari golongan orang profesional yang bertanggungjawab, bertindak dengan penuh adil bagi memastikan pihak Kerajaan mendapat cukai dan pada masa yang sama rakyat ataupun mereka yang terpaksa membayar cukai ini tidak dibebankan dengan sewenang-wenangnya ataupun dibebankan dengan masalah-masalah yang tidak sepatutnya menimbulkan masalah bagi pihak mereka.

Tuan Yang di-pertua, saya juga ingin merujuk Fasal 2%(a) yang bertujuan meminda perenggan 21 Jadual 6 untuk menjadikannya jelas bahawa seseorang individu bukan pemastautin yang

menjalankan sesuatu pekerjaan di Malaysia akan dikecualikan daripada cukai berkenaan dengan pendapatan pekerjaannya jika pekerjaan itu dijalankan bagi tempoh atau icmpoh-tempoh yang tidak melcbihi 60 hari.

Tinggal lagi, saya hcnduk lanyu di sini, Tuan Yang di-Pcriua, kalau sebelum 60 hari dia bkerja itu dapal berjuta-juta ringgit, adakah rnereka ini bebas daripada mcmbayar cukai? Sebab orang-orang yang bukan bermastaulin ini lazimnya adalah di kalangan orang-orang yang pakar ataupun menjalankan urusan consultancy services dan pendapatan mereka sebelum 60 hari mungkin menjadi bcrjuia-juta ringgit hasil dari kerja-kerja mreka ini. Apakah mereka ini dikccualikan daripada cukai?

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, setiap hasil pcndapatan sama ada oleh rakyat atau oleh bukan pemastaulin yang memcprolehi hasil daripada negara kita ini wajar mcmbayar cukai. Tinggal lagi dari segi arnaun mungkin bolch ditetapkan. Bagaimana kalau amaunnya \$10 juta, \$20 juta? Tctapi mereka memperolehi komisyen daripada hasil kcrja mercka itu scbelum 60 hari, adakah mereka dikecualikan daripada cukai?

Ini saya rasa satu perkara yang perlu diberi perhatian, sebab saya berpendapat setiap orang tidak terlcpas daripada membayar cukai kepada negara, kerana negara ini memerlukan wang untuk mentadbirnya. Maka tidak kira siapa sekalipun. Jadi saya bersetuju. Cuma tinggal lagi saya membangukan soalan ini dari segi jumlah amaun, kalau amaun itu besar macam mana?

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 29 bertujuan melanjutkan elauu pelaburan semula yang diberi di bawah Jadual 7A bagi 5 tahun lagi sehingga 31.12.1995 dan memperluaskan lagi skop projek-projek yang layak bagi elauu pelaburan semula. Ini pun kena berhati-hati. Ini macam durian runtuh jugalah bagi setengah-setengah syarikat, bila mendapat kemudahan seperti ini.

Walau macam manapun, saya mengalu-alukan bagi tujuan pembangunan, bagi tujuan pelaburan. Tetapi ianya jangan disalahgunakan, jangan diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain tidak ada. Cuma yang akhir sekali, mengenai dengan Fasal-Fasal 38, 39, 40, 45, 46, 47 dan Pasal 52. Ini hendak mcnyamakan taraf Labuan sebagai pelabuhan bebas dengan taraf Langkawi. Pengertian pelabuhan bebas ini, "mancis, rokok, minuman keras". Jadi itu sahaja taraCnya, kerana hendak dikecualikan cukai mancis, rokok, minuman keras. Jadi di sinilah dikatakan taraf pelabuhan bebas yang memerlukan pindaan di sini.

Apakah pindaan-pindaan ini dari segi konteks pelabuhan bebas boleh membawa pembangunan. Kerana kita lihat apa yang berlaku di Langkawi banyak berlaku penyeludupan minuman keras, rokok dan sebagainya. Dan mungkin juga akan bcr laku di Labuan. Maka yang akhirnya walaupun tujuannya untuk tujuan pembangunan tetapi Kerajaan hilang dari segi cukai.

Saya lidak maksudkan hendak cukai minuman keras ini. Bagi saya kalau tidak ada pun tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Samalah jua dengan cukai judi yang dimaksudkan itu, tidak memberi apa-apa manfaat pun. Penyakit lagi banyak.

Minuman keras ini yang dibebaskan daripada cukai ini, apakah minuman keras seperti stoul, beer dan sebagainya. Bagaimana dengan champagne? Champagne macam mana? Saya pun tidak tahu yang mana stout, yang mana champagne. Yang saya lahu minuman kcras. Teapi orang kata "stoul" kena cukai dan "champagne" tidak kena cukai. Tetapi yang saya tahu kalau minum kedua-dua ini, dua-dua jadi mabuk, betul atau lidak? Jadi kenapa yang siout sahaja kita cukai, champagne kita tidak cukai. Yang saya tahu

"champagne" ini yang diminum oleh golongan atas-alasan. Airnya - sayapun tak pernah - kekuningan macam teh China. Jadi, kenapa ini tidak dicukaikan? Kenapakitacukaikanstoutsahaja. Sebab itu banyak di kalangan orang-orang India mabuk todi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beritahu akan hal ini, sebab pada fikiran saya champagne sebagai liquor atau alcohol kena cukai juga. Janganlah bcri dia bercakap panjang-panjang sangat. (*Ketawa*) Ya, kena cukai juga itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kena cukai juga.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kena cukai? Tetapi saya difahamkan tidak kena cukai. Jadi ini minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Jadi itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya bukan Arau, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham lah, saya tersilap. (*Ketawa*) Takkanlah tersilap sedikitpun bising. Fasal Yang Berhormat selalu usik Arau. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat Arau tak ada kerana kurang Arau mengarau hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 29 bertujuan melanjutkan elaun pelaburan semula yang diberi di bawah Jadual 7A bagi lima tahun lagi sehingga 31-12-1995 dan memperluaskan skop

projek-projek yang layak bagi elaun pelaburan semula. Dengan pindaan yang dicadangkan itu elaun pelaburan semula akan boleh didapati bagi projek-projek yang diusahakan oleh syarikat-syarikat bagi maksud-maksud pemodenan dan pelbagaian ke dalam keluaran-keluaran berkailan di dalam industri yang sama. Pindaan ini akan berkuatkuasadari tahun taksiran 1991. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tak begitu puas hati dan sungguh bimbang kerana pelaburan semula ini. Kalau kita mengikuti Laporan Ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan di sini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua: "The reiiwestment allowance is available to manufacturing companies undertaking approved expansion or reinvesunent".

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan industri dan syarikat di Malaysia yang bcsar-besar ialah elektronik.

"The existing rate is 40 per cent for capital expenditure incurred by large companies and 50 per cent for capial expenditure incurred by small-scale companics. Under this incentive, all existing companies engaged in manufacturing and processing which are not enjoying the pioneer status, investment tax allowance/investment tax credit, labour utilisation relief, locational incentive or the the accelerated depreciation allowance under the Promotion of Investments Act 1968, the Income Tax Act 1967 and the repealed Investment Incentives Act 1968, are eligible to apply for the Reiiwestment Allowance. The incenlive is in ttie form pf an allowance of the expenditure on plant, machinery and industrial building incurred for expansion purposes.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Belanjawan 1991 mengurangkan kadar percukaian eksport dan import komoditi utama untuk memeransangkan pertumbuhan terus-menerus sektor ini, kami kurang pasti sama ada galakan kepada rakyat untuk membeli barang-

barang elektronik dan perkakas elektrik juga menerusi pengurangan kadar percukaian import akan berkesan membantu kedua-dua sektor pembuatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, reiiwestment allowance ataupun galakan pelaburan semula ini akan menguntungkan sebahagian besar industri elektronik dan kami mempunyai kurang keyakinan terhadap keberkesanan langkah Kerajaan menggalakkan pembelian barangan elektronik dan perkakas-perkakas elektrik. Kerana yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, industri elektronik dan peralatan elektrik tempatan mengeluarkan pengeluaran untuk dieksport yang berupa penyumbang terbesar sekali eksport sektor pembuatan, sementara pengurangan duit adalah ke atas import.

Kedua, pengurangan duit adalah atas import barang akhir dan bukan import sektor. Tidak kurang 70% daripada input sektor elektronik tempatan adalah diimport. Maka pengurangan pada duit import ke atas barangan akhir, mungkin mewujudkan persaingan sengit di antara barangan buatan tempatan dengan yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menggalakkan pelaburan semula ini, memang akan mempunyai implikasi yang besar. Barangan keluaran elektronik pengguna hanya membentuk 22% daripada pengeluaran sektor ini dan kononnya permintaan dalam negeri juga dilaporkan bertambah kukuh tetapi keluarnya yang terlibat sebahagian besarnya boleh dianggap barang mewah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan lebih lanjut mengenai pindaan ke atas Fasal 29 ini kerana galakan pelaburan semula ini akan melibatkan perbelanjaan yang banyak oleh pihak-pihak yang tertentu dan dikecualikan daripada pembayaran cukai dan sebagainya yang berbilion-

bilion ringgit dan perlulah kita menjelaskan bahawa dengan langkah yang diambil ini sama ada akan membawa manfaat kepada negara dengan lebih banyak ataupun kepada syarikat-syarikat asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 23. Ini walaupun dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat dari Pasir Mas yang mempunyai pandangan yang betul ke arah memperbaiki keadaan di mana "ejen cukai" ini telah menimbulkan kontroversi, satu kekhawatiran, satu kebimbangan, terutamanya oleh akauntan-akauntan yang ada di negara ini yang tidak puas hati dengan pindaan yang dibuat pada hari ini. Pasal 23 bertujuan mencinda seksyen 153 untuk menukarkan tatanama "akauntan" kepada "ejen cukai" di bawah seksyen itu supaya mana-mana orang yang diluluskan di bawah Akta bagi maksud-maksud mewakili klien-kliennya dalam urusan mereka dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mengemukakan dirinya dengan sewajarnya sebagai seorang ejen cukai dan bukan sebagai seorang akauntan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya membangkitkan di sini bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah satu jabatan yang mempunyai kepakaran yang tertentu dan dengan urusan cukai hasil dalam negeri, hasil cukai pendapatan yang sangat rumit, saya tidak nampak bagaimana ejen cukai yang dimaksudkan di sini dapat memainkan peranan yang berkesan tanpa memberi kebimbangan kepada orang ramai terutamanya kalangan akauntan kerana salah satu tujuannya saya diberitahu ialah untuk mengambil graduan-graduan yang menganggur. Kerana pada dua-tiga tahun yang lepas ada beribu-ribu graduan yang keluar dari universiti yang menganggur. Dan salah satu penyelesaiannya ialah pengambilan graduan-graduan ini oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan nampaknya Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengambil langkah untuk mengambil graduan-graduan menganggur ini

berjumlah kira-kira 1,000 orang yang diambil untuk latihan, untuk menjadi sebagai ejen cukai bagi Jabatan Hasil Oalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kerana memang scara yang baik kalau kita hendak ambil ejen-ejen ataupun graduan-graduan seperti ini ialah untuk membolehkan graduan-graduan ini dilatih oleh akauntan-akauntan supaya mereka bolch menjadi lbih cckap untuk melakukan tugasnya sebagai cjen cukai dan saya nampak pihak Kerajaan tidak berbuat demikian. Dan ada beberapa soalan yang timbul, Tuan Yang di-Pertua, ejen cukai ini selcpas pindaan ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, adakah akan dibenarkan untuk mcmbuai kerja akaun. Adakah mereka akan dibenarkan mcmbuat kerja akaun dan bagaimana Kerajaan dapat mengctahui sama ada mereka bebas ataupun lidak terlibat dengan kerja-kerja Kerajaan dan menggunakan masa untuk membuat kerja akaun? Dan adakah pihak akauntan bertauliah yang ada sekarang akan ditimbang untuk menjadi ejen-ejen cukai selcpas pindaan ini, ataupun mereka....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormai, jikalau sekiranya Yang Berhormai baca pada muka surat 21, iaitu Explanatory Statement atau penerangannya itu di bawah perenggan 12 itu, Yang Berhormat boleh dapat jawapannya, iailu akauntan yang sekarang ini yang membuat akaun mewakili klien-kliennya, namanya udak akan lagi menjadi "akauman", akan letapi akan jadi lax agent ataupun "ejen cukai" dan perlantikannya itu telahpun disebutkan di situ iaitu siapa-siapa yang telahpun diluluskan di bawah Akta itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan satu perkara lagi mengenai program untuk melaiilikan graduan-graduan ini sebagai tax agents.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu lak bersangkut Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini memang bersangkut kerana ini satu pindaan ke atas.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak bersangkut, hanya ditukarkan nama "akauntan" itu, masa sekarang ini orang yang menyiapkan satu akaun income tax, dia bubuh namanya akauntan, hanya dikehendaki pada masa sekarang ini dikatakan tax agent.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu salah satu tujuan untuk mcminda Akta ini, terutamanya Seksyen 153 ialah untuk membolehkan graduan-graduan dilatih menjadi ejen cukai oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat perlantikannya itu ialah di bawah Akta itu—yang dikatakan itu.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian mempunyai satu penilaian ke atas prestasi ejen-ejen cukai ini kerana perkhidmatan ini adalah satu profesion.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong jikalau sekiranya dia silap. ....

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tidak silap di sini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...kalau tidak, kita berlanjutan di atas percakapannya yang tidak menepati mengikut Rang Undang-undang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya memang menepati, Tuan Yang di-Pertua, kerana

.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukankah kita dengar tadi, champagne tidak kena tax (*Ketawa*). Jikalau sekiranya diberitahu kena tax, dia tidak akan bercakap. Jadi, kita menjimatkan masa yang demikian.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang penting kerana itu telah menjadi suatu perkara yang dipertikaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semuanya penting.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu 14, mengenai Pasal 25, untuk tujuan meminda perenggan 62 berhubungan dengan pelupusan aset-aset kepada Kerajaan, sesuatu Kerajaan Negeri atau sesuatu pihak berkuasa tempatan atau kos nominal di bawah sesuatu skim penswastaan.

Di bawah cadangan ini, harga pelupusan akan berdasarkan balasan sebenar yang baginya aset itu dilupuskan supaya pelupus itu mendapat faedah sepenuhnya akan elaan modal atas perbelanjaan modal yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu faham mengapa satu pindaan diadakan ke atas ini kerana saya kurang pasti mengenai implikasi dan manfaat kepada pihak Kerajaan ataupun kepada syarikat dan mengapa pindaan ini diadakan, kerana saya tidak pernah menerima aduan mengenai perkara ini dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dengan lebih lanjut mengapa Pasal 25 ini diadakan. Walaupun kita sekarang nampak banyak projek-projek penswastaan dijalankan, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Sekian, terima kasih!

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang tahu! Ini untuk mengelakkan dari diegur oleh pihak Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak saya sebut dengan lebih konkrit lagi memberi penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang di dalam masyarakat penyayang satu perkara yang baik yang dibuat oleh pihak Kerajaan, Fasal 13 untuk memasukkan suatu perenggan baru (c) kepada seksyen

46 supaya seseorang individu yang menanggung perbelanjaan perubatan untuk ibu bapanya boleh menuntut potongan yang tidak melebihi \$1,000 berkenaan dengan perbelanjaan tersebut. Ini satu fasal yang baik yang patut dibuat dan ini saya berharap akan mengurangkan beban anak-anak untuk membantu mereka menjaga ibu bapa. Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat meraba-raba itu. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, memang meraba-raba kerana.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang sepatutnya Yang Berhormat bersedia dari semalam.

**Dr Tan Seng Giaw:** Banyak hendak sediakan, Tuan Yang di-Pertua, bukan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya meraba-raba macam itu, jika tak kena tak patutlah. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tak raba-raba, Tuan Yang di-Pertua. Ada satu perkara lagi - banyak kertas di sini, susah hendak aturkan. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sebutkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi satu, ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Satu sahaja yang akhir sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya mengalu-alukan, kerana saya pernah beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini mencadangkan bahawa cukai ke atas isteri-isteri yang hendak ditaksirkan berasingan dibenarkan berbuat

demikian. Mujurnya tahun ini langkah ini diambil dan pindaan ke atas Rang Undang-undang ini telah dibuat - satu perbuatan yang baiklah. Saya berharap ini akan membawa manfaat kepada ramai isteri di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu cadangan Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.00 *ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Kepong, ya yang meraba-raba. (*Ketawa*) Kalau begitulah caranya menguruskan lentang cukai secara mcraba-raba, saya ingat rosak sistem cukai negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mujur dia bukan akaunlan. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Masalahnya dia sebagai seorang doktor.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai polongan dua kali sumbangan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan. Memanglah benar bahawa pihak Kementerian Kewangan mengenakan syarat supaya institusi yang berkenaan mendapat kelulusan daripada pihak Menteri Kewangan dan garis panduan sedang disediakan untuk memastikan bahawa tidak ada penyelewengan daripada peruntukan ke arah memajukan penyelidikan dan pembangunan di dalam negara kita ini.

Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat mengenai ejen cukai. Saya ingin memaklumkan di sini kelayakan-kelayakan untuk menjadi ejen cukai. Yang pertamanya, menjadi

ahli mana-mana Badan Akauntan bertauliah yang diiktiraf oleh Kerajaan serla mempunyai 5 tahun pengalaman dalam bidang cukai secara praktikal dengan Kerajaan ataupun swasta. Mempunyai ijazah dalam bidang ekonomi, perniagaan dan sebagainya serta 5 tahun pengalaman dalam bidang cukai secara praktikal dengan Kerajaan ataupun swasta. Mempunyai kelulusan pada pandangan Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri bersamaan dengan satu atau dua di atas serta 10 tahun pengalaman dalam bidang cukai secara praktikal dengan Kerajaan dan swasta.

Seterusnya seseorang yang telah lulus peperiksaan Kursus Lanjutan di Jabatan Hasil Dalam Negeri serta 5 tahun pengalaman dalam bidang cukai dan berpangkat sekurang-kurangnya Pemeriksa di Jabatan Hasil Dalam Negeri sebelum bersara.

Seseorang yang telah lulus Peperiksaan Kursus Permulaan di Jabatan Hasil Dalam Negeri serta 10 tahun pengalaman dalam bidang cukai dan berpangkat sekurang-kurangnya Pemeriksa di Jabatan Hasil Dalam Negeri sebelum bersara. Dan seseorang yang telah lulus Kursus Akauntan Percukaian di Universiti Pertanian Serdang anjuran Jabatan Hasil Dalam Negeri—kursus selama 6 bulan. Tuan Yang di-Pertua, itulah secara tepatnya kelayakan-kelayakan untuk menjadi ejen cukai berdasarkan kepada pindaan yang dibuat.

Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai orang yang bukan pemastautin jika sekiranya berada di negara kita tidak lebih daripada 60 hari maka dia tidak membayar cukai. Peruntukan ini dibuat dengan tujuan untuk memudahkan peruntukan yang ada pada ketika ini yang mana membawa kepada tafsiran yang berbagai-bagai. Jadi, dimudahkan sebegitu rupa supaya lebih nyata bahawa seseorang tadi tidak dikenakan cukai jika bckerja tidak lebih daripada 60 hari.

Tuan Yang di-Periua, tentang soal sama ada banyak ataupun tidak pendapatan yang didupatkannya sebelum 60 hari tidak timbul di sini, kerana ianya ada hubungan dengan amalan di peringkat aniarabangsa tentang siapa yang bukan pemastautin dikenakan cukai ataupun tidak semasa berada di sesebuah negeri. Jadi, dalam hal ini kita cuba menepati dengan amalan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat mengenai Elaun Pelaburan Semula yang dipanjangkan untuk selama 5 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, insentif ini diberikan oleh pihak Kerajaan untuk 5 tahun yang akan datang untuk menggalakkan pelabur-pelabur yang sedia ada untuk memodenkan, mempelbagaikan, membesarkan pelaburan mereka. Di antara manfaat yang kita dapati ialah sekurang-kurangnya syarikat-syarikat luar negeri yang melabur yang sekarang ini sudahpun mendapat pulangannya, satu kemungkinan ialah mereka akan membawa untung mereka balik ke negeri masing-masing.

Pada hari ini kita menghadapi masalah di mana pengaliran tidak ketara ataupun invisible item dalam bentuk untung yang dibawa balik oleh pelabur-pelabur akan menjcaskan lagi akaun semasa kita. Oleh yang demikian, jika sekiranya untung-untung tersebut dilaburkan semula maka ianya meringankan deficit account semasa yang makin lama makin meluas kebelakangan ini. Jadi insentif.....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan kerana kebanyakan syarikat seperti ini ialah syarikat elektronik, adakah dengan

elaun seperti ini mereka berminat untuk melabur semula di negara ini?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kita selalu membuat kritikan terhadap pemodal asing dalam bidang elektronik, kerana tidak membuat pelaburan yang membawa kepada nilai tambahan yang sewajarnya. Oleh yang demikian, kita rndcsak dan mengharapkan pelaburan asing dalam bidang ini untuk meningkatkan nilai tambahan pelaburan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, maka galakan yang diberikan dalam bentuk yang kita maksudkan ini selain daripada mengurangkan langkah-langkah membawa unjung balik ke negara-negara masing-masing, ialah untuk menambahkan lagi nilai tambahan melalui pelaburan tambahan daripada sumber-sumber untung mereka.

Jadi, kita mengharapkan bahawa dalam lima tahun yang akan datang, rasa tidak senang di kalangan kita terhadap pelabur asing dalam bidang elektronik dapat kita atasi dengan cara pelaburan lambahan melalui insentif ini yang meningkatkan lagi nilai tambahan dalam sektor industri elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul, saya tadi hendak bangun, hendak cuba membetulkan, tetapi rasanya tidak sedap untuk membetulkan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Jadi, terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua telah membetulkannya. Yang sebenarnya, semua minuman keras dikenakan cukai sekadarkan dalam Belanjawan 1991 cukai tidak dinaikkan untuk apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas iaitu champagne, dan cukai minuman keras yang lain dinaikkan. Tetapi dalam hal cukai untuk Labuan dan juga untuk Langkawi, kesemua minuman keras tidak dikenakan cukai, seperti apa yang sewajarnya berlaku dalam kawasan bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga dari Kepong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 Hingga 52* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG DUTI HIBURAN (PINDAAN)**

**Dacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.13 ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Duli Hiburan 1953 dibacakan buat kali kedua sekarang.

Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa Akta Ibu, iaitu Akta Duti Hiburan 1953 adalah suatu Akia yang bertujuan untuk mengcnakan cukai yang dipanggil Duli Hiburan ke atas tiap-tiap bayaran kemasukan sesuatu hiburan. Tarif hiburan di dalam Akta Ibu ini

meliputi sesuatu pertunjukan, lakonan dan permainan atau sukan yang mana orang ramai dibenarkan masuk dengan dikenakan bayaran. Duti hiburan yang dikutip di negeri-negeri selain daripada Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan adalah merupakan hasil Kerajaan Negeri berkenaan menurut peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Akta Ibu ini ada memperuntukkan pengecualian daripada duti di bawah Seksyen 12 (1) otch Menteri Kewangan bagi sesuatu kelas hiburan dan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 12 (2) bagi sesuatu hiburan.

Di samping itu, pemungut duti hiburan iailu Menteri Kewangan boleh mengecualikan sesuatu hiburan daripada duti bagi kes di mana amaun duti berjumlah tidak melebihi \$500, iaitu mengikut Seksyen 12 (3). Ini bermakna di Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Menteri Kewangan tidak berkuasa untuk mengecualikan mana-mana hiburan daripada duti hiburan jika amaun dutinya melebihi daripada \$500.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, cadangan adalah dibuat melalui Pasal 2 untuk meminda Seksyen 12 (1) Akta Ibu untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan membcirikan pengecualian daripada pembayaran duti hiburan berkenaan dengan apa-apa hiburan di Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Pasal 22 pula adalah bertujuan untuk menjadikan sah dan menurut undang-undang, apa-apa pengecualian yang telah diberikan oleh Menteri Kewangan di antara 3hb Mei, 1982 sehingga ke tarikh berkuatkuasanya pindaan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak 3hb Mei, 1982 Kementerian Kewangan telah tersalah memberi pengecualian duti di bawah Seksyen 12 (1) Akta Ibu bagi kes-kes di

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana amaun duli melebihi \$500.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta sokongan?

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Mclaka.

6.16 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tujuan pindaan Rang Undang-undang ini adalah untuk mengesahkan apa yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan yang tersilap dikecualikan di antara 3hb Mei, 1982 hingga sekarang. Saya rasa kalau ini satu kesilapan, ia boleh diterima, tetapi untuk membuat "retrospective", saya rasa mungkin telah mengakibatkan hasil yang bolch dikutip, tidak dikutip. Oleh sebab itu, saya hendak tahu apakah jumlah yang dikecualikan secara salah atau tersilap?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai duli hiburan ini, saya juga ingin bertanya pihak Kementerian tentang royalty payment atau bayaran royalti yang sekarang dikenakan ke atas semua tempat hiburan kepada pemilik-pemilik lagu-lagu yang kini dikenakan ke atas semua tempat sama ada tempat hiburan atau restoran. Scperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, semua tempat hiburan sekarang dikenakan membayar royalti yang amat tinggi kepada syarikat-syarikat swasta dan adalah difahamkan bahawa satu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bersangkutkah dengan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** ..mengenai hiburan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahulah. tetapi yang dikehendaki di sini ialah memberi kuasa kepada Menteri Kewangan mengecualikan, bukan bcrsangkut dengan swasta.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sama ada duli hiburan ini kerana royalty payment baru dilaksanakan. Sama ada ini bersangkut dengan duli hiburan yang dikecualikan, yang salah dikecualikan pada 3hb Mei, 1982. Dan saya hendak tahu apakah pihak Kementerian kenakan ke atas bayaran yang dikenakan oleh syarikat swasta kerana syarikat-syarikat swasta ini mempunyai monopoli terhadap copyright lagu-lagu tersebut. Dan saya hendak tahu caj atau bayaran yang dikenakan ke atas sesiapa atau mana-mana tempat yang memainkan lagu tersebut adalah setinggi 35 sen setiap kaki persegi. Ini adalah satu bayaran yang amat tinggi untuk diberikan kepada syarikat-syarikat swasta.

Di sini saya hendak tahu apakah tindakan Kementerian Kewangan terhadap perkara ini? Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kemenierian untuk memastikan bahawa bayaran atau harga yang dikenakan oleh syarikat-syarikat swasta ini tidaklah terlalu tinggi, kerana ini adalah satu beban yang amat sangat kepada tempat-tempat hiburan atau restoran. Ini boleh jelas dilihat pada masa perayaan Krismas di mana terdapat banyak tempat hiburan, tempat membeli-belah tidak memainkan lagu-lagu kerana mereka masih berunding dengan pihak berkenaan untuk membayar bayaran yang mereka rasa amat tidak adil dan tinggi itu. Kalaulah bayaran yang dicadangkan dikenakan tempat-tempat hiburan atau restoran makanan dan tempat makanan dikenakan bayar beribu-ribu ringgit sebulan, saya rasa ini adalah amat tidak

adil, kerana syarikat-syarikat yang memiliki copyright lagu-lagu tersebut mempunyai monopoli dan di antara dua syarikat yang terlibat itu mereka telah menubuhkan satu cartel di antara mereka untuk mengenakan caj copyright ke atas semua lagu-lagu yang dimiliki oleh mereka. Oleh sebab itu, saya harap pihak Kementerian boleh menjadi orang tengah untuk menyelesaikan masalah ini supaya tempat-tempat hiburan, pusat membeli-belah dan resioran tidak dianaktirikan dan juga memulangkan semangat atau spirit perayaan untuk membolehkan lagu-lagu dimainkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.21 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Apa yang dipohon olehnya mengenai duti yang telah dikecualikan daripada tarikh 3 Mei 1982 dari segi jumlahnya dan dari segi jenisnya adalah wajar. Walau pun begitu saya tidak ada maklumat terperinci tentang perkara-perkara tersebut.

Walaupun begitu, saya ingin menyebutkan di sini bahawa jumlah kes yang tersalah diberi pengecualian duti daripada tarikh tersebut ialah sebanyak 187 kes. Dari segi amaunnya saya tidak ada maklumat di sini, Tuan Yang di-Pertua. Walau pun begitu saya ingin menyebutkan di sini bahawa pengecualian yang dibuat mungkin ada kaitannya dengan tujuan kebajikan dan jika sekiranya pihak Kerajaan telah kehilangan pungutan hasil dari sumber ini, maka hasil-hasil tersebut telahpun digunakan untuk tujuan-tujuan kebajikan di antaranya saya percaya.

Mengenai perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin menyebutkan di sini bahawa ianya ada kaitan dengan struktur industri yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu industri hiburan dan gelagat-gelagat yang ada di dalam industri tersebut dan prestasinya. Itu sebabnya Kerajaan mewujudkan satu Kementerian baru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk melihat struktur industri, gelagat industri dan prestasi industri sebegini rupa supaya apa yang akhirnya berlaku dalam industri seperti industri hiburan membawa faedah bukan sahaja pihak pengusaha tetapi untuk masyarakat pengguna.

Jadi, saya percaya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai perkara yang kedua adalah akan menarik perhatian Kerajaan dan sewajarnya dirujuk kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, dia sudah duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah habis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh saya minta dia menjawab secara bertulis....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** ....jawapan bertulis yang dia tidak ada maklumat. Minta jawab secara bertulis, maklumat yang saya minta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara itu di bawah Kementerian lain.

**Tuan Lim Guan Eng:** Perkara yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Boleh, saya akan dapatkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Pasal 1 dan 2* diprintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.28 ptg.

**Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini hanya mengandungi satu pindaan sahaja yang meminda seksyen 27 (3) (b) Akta Kesatuan Sekerja 1959 untuk

mcmbolehkan kesatuan-kesatuan badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan bergabung dengan persekutuan kesatuan sekerja yang terdiri daripada kesatuan-kesatuan yang mewakili pegawai-pegawai Kerajaan seperti Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPAC).

Tuan Yang di-Pertua, kesatuan-kesatuan bagi pekerja-pekerja di negara ini boleh dibahagikan kepada tiga sektor iaitu sektor swasta, sektor Kerajaan, sektor badan berkanun dan pengguna lempatan. Pada 3hb Jun 1990, kedudukan bilangan kesatuan dan bilangan ahli kesatuan dalam ketiga-tiga sektor ini adalah seperti berikut:

Sektor	Bilangan Kesatuan	Bilangan Ahli
Swasta	220	333,973
Kerajaan	129	198,414
Badan Berkanun dan Penguasa Tempatan	85	107,961
Jumlah	434	640,348

Kesatuan-kesatuan dalam ketiga-tiga sektor tersebut dibenarkan bergabung dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), sebuah pusat Kesatuan Sekerja yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan. Walau bagaimanapun, pergabungan kesatuan-kesatuan di sektor Kerajaan dengan persekutuan kesatuan sekerja boleh dilakukan jika keanggotaan Persekutuan itu dihadkan kepada kesatuan-kesatuan sekerja yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan sahaja. Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam badan berkanun pula boleh bergabung dengan persekutuan kesatuan sekerja yang keanggotaannya terbatas kepada sesebuah badan berkanun tertentu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat minta sambung esok.

**Dato' Lim Ah Lek:** Saya ada sedikit sahaja. Tidak sampai lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa line lagi?

**Dato' Lim Ah Lek:** Sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat, melainkan disambung Mesyuarat.

**Dato' Lim Ah Lek:** Tidak apa, kalau begitu saya sambung esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*